Juzu' ke-29

Surah Al-Jinn

SURAH KE

72

SURAH AL-JINN

Surah Jin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

28

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾

وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن تَقُولَ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ ٱلْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا۟ كَمَا ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَبْعَثَ ٱللَّهُ أَحَدًا ﴿٧﴾

وَأَنَّا لَمَسْنَا ٱلسَّمَآءَ فَوَجَدْنَٰهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا ﴿٨﴾

وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَٰعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ ٱلْـَٔانَ يَجِدْ لَهُۥ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾

وَأَنَّا لَا نَدْرِىٓ أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِى ٱلْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun(2). Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak(3). Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah(5). Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka(6). Dan sesungguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu berfikir bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun(7). Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapatinya penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-beritanya, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya(9). Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10).

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعْجِزَ ٱللَّهَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُۥ هَرَبًا ﴿١٢﴾

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا ٱلْهُدَىٰٓ ءَامَنَّا بِهِۦ ۖ فَمَن يُؤْمِنۢ بِرَبِّهِۦ فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

وَأَنَّا مِنَّا ٱلْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا ٱلْقَٰسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ تَحَرَّوْا۟ رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا ٱلْقَٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

وَأَلَّوِ ٱسْتَقَٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَٰهُم مَّآءً غَدَقًا ﴿١٦﴾

لِّنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَمَن يُعْرِضْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِۦ يَسْلُكْهُ عَذَابًا صَعَدًا ﴿١٧﴾

وَأَنَّ ٱلْمَسَٰجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا۟ مَعَ ٱللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ
لِبَدًا ﴿١٩﴾

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan(11). Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya(12). Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya. Dan barang siapa yang beriman dengan Tuhannya, nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan(13). Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan menjadi Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam(15). Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar(17). Dan sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah. Oleh itu, janganlah kamu sembah seseorang yang lain di samping menyembah Allah(18). Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya, mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya(19). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."(20).

قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ
مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾

إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ ۚ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ﴿٢٣﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضْعَفُ
نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾

قُلْ إِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّىٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ
يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾

لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا۟ رِسَٰلَٰتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا
لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًا ﴿٢٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat(21). Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah(22). (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya. Barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, di mana mereka hidup kekal untuk selama-lamanya(23). Sehingga apabila mereka (kaum Musyrikin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?(24). Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya(25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakang-nya(27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini memeranjatkan hati dengan satu fenomena lain yang amat terang sebelum dilihat kepada konsep-konsep dan hakikat-hakikat yang dibicarakannya. Iaitu surah ini merupakan seolah-olah sebuah lagu yang mempunyai rentak yang teratur, nyaring dan merdu, di samping bercampur dengan nada sedih, pilu dan sayu sesuai dengan gambaran-gambaran, bayangan-bayangan, pemandangan-pemandangan dan semangat saranannya terutama di bahagian akhirnya setelah tamat cerita perkataan-perkataan jin di mana Allah menujukkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang membangkitkan rasa simpati terhadap beliau pada hati pendengar surah ini, iaitu rasa simpati yang disertai rasa kasih apabila beliau diperintah mengumumkan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan peribadi dalam urusan da'wah ini selain dari menyampaikannya kepada manusia, dan bahawa beliau sentiasa berada di bawah pengawasan dan pemerhatian Ilahi ketika beliau bertugas menyampaikan da'wah ini:

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ

مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾
إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ ۚ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ﴿٢٣﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضْعَفُ
نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾
قُلْ إِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّىٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ
يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾
لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا۟ رِسَٰلَٰتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا
لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًۢا ﴿٢٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun (20). Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat(21). Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah(22). (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya. Barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, di mana mereka hidup kekal untuk selama-lamanya(23). Sehingga apabila mereka (kaum Musyrikin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?(24). Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya(25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya(27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Semua penjelasan ini, di samping pernyataan hati terhadap hakikat-hakikat yang terkandung di dalam cerita pengakuan dan penerangan makhluk jin yang panjang lebar itu, iaitu hakikat-hakikat yang mempunyai nilai-nilai yang penting kepada perasaan dan kefahaman dan reaksi terhadapnya yang membuat hati kita diselubungi keadaan termenung dan berfikir itu, adalah sesuai dengan sentuhan nada sedih dan pilu di dalam irama surah ini.

Apabila surah ini dibaca dengan bacaan tartil yang tenang, ia akan mencetuskan di dalam hati perasaan-perasaan yang telah di terangkan tadi.

* * * * * *

Pengakuan Dari Makhluk Jin Mengenai Al-Qur'an

Apabila kita lampaui fenomena ini yang dari awal lagi mencuit hati dan terus memasuki ke dalam maudhu'-maudhu' surah, konsep-konsep dan tujuan-tujuannya, kita dapati surah ini penuh dengan berbagai-bagai tujuan dan saranan.

Ia bermula dengan satu pengakuan atau penyaksian dari sebuah alam yang lain mengenai banyak persoalan 'aqidah yang diingkarkan oleh kaum Musyrikin. Mereka begitu hebat mempertikaikan persoalan-persoalan itu secara meraba-raba tanpa bersandar kepada sesuatu hujah. Kadang-kadang mereka menyangka bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menerima perkara-perkara yang dikemukakan kepada mereka itu dari makhluk jin, lalu datanglah pengakuan dari makhluk jin itu sendiri mengakui kebenaran persoalan-persoalan yang diingkar dan dipertikaikan mereka, dan seterusnya mendustakan dakwaan mereka bahawa Nabi Muhammad s.a.w. mengambil sesuatu dari makhluk jin, kerana makhluk jin tidak tahu tentang Al-Qur'an melainkan sesudah mereka mendengar Nabi Muhammad s.a.w. membacakannya kepada mereka. Mereka begitu terpesona dan tertarik dengan isi kandungannya yang menakjubkan hingga mereka tidak dapat mendiamkan diri terhadap ayat Al-Qur'an yang didengar oleh mereka dan tidak dapat mengungkapkan secara umum dan ringkas terhadap hakikat yang diketahui dan dirasakan mereka itu, lalu mereka bercakap dengan rasa keterharuan seorang yang amat kagum dan takjub terhadap peristiwa yang agung ini, yang mendapat perhatian penuh dari langit dah bumi, manusia dan jin, malaikat dan bintang-bintang, dan meninggalkan implikasi-implikasi dan hasil-hasilnya di seluruh alam. Pengakuan ini tentulah merupakan satu pengakuan yang amat berharga kepada manusia seluruhnya.

Kepercayaan-kepercayaan Karut Mengenai Makhluk Jin

Selain dari itu, pengakuan ini juga membetulkan banyak kepercayaan yang karut-marut mengenai alam jin yang terlekat di dalam jiwa orang-orang Arab yang mula-mula menerima surah ini, juga terlekat di jiwa manusia seluruhnya dahulu dan sekarang. Pengakuan ini telah meletakkan hakikat alam ghaib ini di tempatnya yang sebenar tanpa keterlaluan dan meraba-raba.

Orang-orang Arab yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini beranggapan bahawa makhluk jin itu mempunyai kuasa di bumi ini. Kerana itu apabila seseorang dari mereka berada di sebuah wadi atau di kawasan tandus dia memohon perlindungan kepada pembesar jin yang memerintah kawasan itu dengan katanya: "Aku berlindung pada tuan wadi ini dari orang-orang yang nakal dan bebal dari kaum yang

mendiaminya." Kemudian ia bermalam di situ dengan aman. Begitu juga mereka beranggapan bahawa jin itu mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan merekalah yang memaklumkannya kepada ahli-ahli nujum yang memberi berbagai-bagai ramalan itu. Di antara mereka ada yang menyembah jin dan menghubungkan di antara Allah dan jin dengan satu pertalian persemendaan. Mereka beranggapan bahawa Allah mempunyai seorang isteri dari bangsa jin dan isteri inilah yang melahirkan malaikat-malaikat.

Kepercayaan yang seperti ini atau sebagainya mengenai jin adalah lumrah dalam setiap masyarakat jahiliyah. Kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut ini masih kuat di dalam berbagai-bagai masyarakat hingga ke hati ini!!!

Sementara kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut mengenai jin ini menguasai hati, perasaan dan fikiran manusia di zaman silam dan zaman sekarang. Di sana terdapat pula pada hari ini barisan manusia yang mengingkarkan sama sekali kewujudan jin. Mereka sifatkan semua cerita mengenai makhluk yang ghaib ini sebagai cerita-cerita tahyul belaka.

Di antara rekaan khayal yang berlebih-lebihan dengan keingkaran yang melulu inilah Islam menjelaskan hakikat makhluk jin dan membetulkan kepercayaan-kepercayaan umum yang karut mengenainya serta membebaskan hati manusia dari takut dan tunduk kepada kuasa jin yang tidak wujud itu.

Hakikat Kewujudan Makhluk Jin Dan Sifat-sifatnya

Makhluk jin mempunyai hakikat yang benar ada. Sifat mereka telah disifatkan oleh mereka sendiri:

وَأَنَّا مِنَّا الصَّالِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ كُنَّا طَرَائِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Di antara mereka ada golongan yang sesat dan ada golongan yang menjadi penyesat-penyesat dan ada pula golongan jujur yang tertipu:

وَأَنَّهُ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى اللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّا أَن لَّن تَقُولَ الْإِنسُ وَالْجِنُّ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾

"Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dahulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah."(5)

Mereka mempunyai kesediaan untuk menerima hidayat dan menolak kesesatan dan untuk menghayati Al-Qur'an dan mendengar, memahami dan menerima pengaruhnya:

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِي إِلَى الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَا أَحَدًا ﴿٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Mereka, dengan tabi'at semulajadi mereka, dapat menerima adanya balasan terhadap amalan mereka dan adanya natijah-natijah keimanan dan akibat-akibat kekufuran terhadap mereka:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا الْهُدَىٰ آمَنَّا بِهِ ۖ فَمَن يُؤْمِن بِرَبِّهِ فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا الْقَاسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya. Barang siapa yang beriman dengan Tuhannya, nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan(13). Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan menjadi Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

Mereka juga tidak dapat memberi manfa'at kepada manusia yang berlindung pada mereka bahkan menyulitkan mereka sahaja:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Mereka tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan langit:

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا ﴿٨﴾

وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾

وَأَنَّا لَا نَدْرِي أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapatinya penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-berita, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya(9). Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan perkahwinan dan persemendaan dengan Allah:

وَأَنَّهُ تَعَالَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾

"Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Seterusnya jin tidak mempunyai kekuatan dan daya upaya untuk menghadapi kekuatan Allah:

وَأَنَّا ظَنَنَّا أَن لَّن نُّعْجِزَ اللَّهَ فِي الْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُ هَرَبًا ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Apa yang disebut dalam surah ini tentang makhluk jin dan ditambah pula dengan sifat-sifat yang lain yang disebut di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang lain seperti cerita sekumpulan syaitan dari jenis jin yang dijadikan buruh atau pekerja Nabi Sulaiman a.s., dan mereka tidak mengetahui kematian Sulaiman melainkan setelah berlalu beberapa waktu. Semuanya ini menunjukkan bahawa makhluk jin tidak mengetahui perkara-perkara ghaib:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ الْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِ إِلَّا دَابَّةُ الْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ الْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ الْغَيْبَ مَا لَبِثُوا فِي الْعَذَابِ الْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Setelah Kami tetapkan kematian Sulaiman, tidak ada sesuatu yang membuktikan kematiannya kepada mereka melainkan anai-anai yang memakan tongkatnya. Dan setelah dia rebah tersungkur barulah jelas (kematiannya) kepada jin, andainya mereka mengetahui perkara-perkara yang ghaib sudah tentu mereka tidak akan terus berada dalam keseksaan bekerja yang menghinakan itu."

(Surah Saba': 14)

Makhluk Iblis

Juga seperti firman Allah mengenai salah satu ciri Iblis iaitu dia dari makhluk jin, tetapi bezanya Iblis menumpukan kegiatannya dalam kerja-kerja menimbulkan kejahatan-kejahatan, kerosakan dan godaan sahaja:

إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

"Sesungguhnya syaitan dan suku sakatnya nampak kamu dari sudut yang kamu tidak nampak mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Asal-usul Kejadian Jin

Ini menunjukkan bahawa entiti makhluk jin tidak dapat dilihat oleh manusia, sedangkan entiti manusia dapat dilihat oleh jin.

Keterangan-keterangan ini ditokok pula oleh keterangan Surah ar-Rahman mengenai asal-usul diri jin dan bahan kejadiannya dan asal-usul kejadian manusia:

خَلَقَ الْإِنسَانَ مِن صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

وَخَلَقَ الْجَانَّ مِن مَّارِجٍ مِّن نَّارٍ ﴿١٥﴾

"Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar, dan Dia menciptakan jin dari pucuk api yang bernyala-nyala."

(Surah ar-Rahman: 14-15)

....Ayat ini memberi gambaran tentang asal-usul kejadian makhluk jin yang tidak nampak itu, mengiktirafkan kewujudannya dan menggariskan berbagai-bagai sifat-sifatnya dan serentak itu juga mendedahkan kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut mengenai jin yang terlekat di otak manusia, serta mengemukan kefahaman mengenai jin kepada orang-orang Islam dengan begitu jelas, halus dan bersih dari kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan bebas dari keingkaran yang membuta tuli.

Golongan Yang Tidak Percaya Pada Jin Tidak Mempunyai Alasan

Surah ini telah membetulkan kepercayaan orang-orang Arab yang salah tentang kekuasaan makhluk jin dan peranan mereka di alam ini. Adapun orang-orang yang ingkarkan kewujudan makhluk jin, maka saya tidak tahu di atas asas apakah mereka landaskan keingkaran mereka yang begitu tegas dan pasti itu, dan mengapa mereka mengejek-ngejek kepercayaan tentang wujudnya jin ini dan menamakannya sebagai kepercayaan tahyul.

Adakah kerana mereka telah mengetahui seluruh makhluk yang ada di alam buana ini dan di antara makhluk-makhluk itu mereka tidak pernah menemui

makhluk jin? Tiada seorang pun ahli sains yang memberi pendapat seperti ini hingga hari ini. Di bumi ini sahaja terdapat berbagai-bagai makhluk hidup yang diketahui wujudnya hari demi hari. Tiada seorang pun yang berkata bahawa siri penemuan makhluk-makhluk hidup di bumi ini telah terhenti atau akan terhenti pada suatu hari yang tertentu.

Adakah kerana mereka telah mengetahui segala kuasa dan kekuatan yang tersembunyi di alam buana ini, sedangkan mereka tidak menemui kuasa dan kekuatan jin di antara kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan itu? Tiada seorang pun yang membuat dakwaan seperti ini, kerana di sana terdapat berbagai-bagai kuasa dan kekuatan yang ditemui setiap hari, sedangkan kelmarin ia belum lagi diketahui. Ahli-ahli sains sedang bersungguh-sungguh untuk mengenal pasti kuasa-kuasa alam, dan mereka dengan rendah diri setelah didorong oleh penemuan-penemuan ilmiyah mereka mengumumkan bahawa mereka masih berdiri di tepi batas yang majhul di alam buana ini dan mereka boleh dikatakan belum lagi memulakan penerokaan itu.

Apakah kerana mereka telah melihat segala kuasa yang digunakan mereka, sedangkan mereka tidak melihat kuasa jin di antara kuasa-kuasa itu? Ini pun tidak juga, kerana mereka memperkatakan tentang kuasa elektron dengan sifatnya sebagai satu hakikat ilmiyah sejak mereka berjaya meleburkan atom, tetapi tiada seorang pun dari mereka yang melihat elektron itu, kerana tidak ada di makmal-makmal mereka alat-alat yang dapat mereka asingkan salah satu dari zarrah-zarrah elektron yang diperkatakan mereka itu.

Al-Qur'an Sumber Maklumat Kejadian-kejadian Yang Ghaib

Jadi, apakah alasan untuk menafikan kewujudan jin itu dengan penafian yang sedemikian tegas dan pasti sedangkan ilmu pengetahuan manusia tentang alam, kuasa-kuasanya dan penghuni-penghuninya masih terlalu sedikit hingga seseorang yang menghormati akalnya tidak sanggup mengatakan tentang sesuatu itu dengan penuh kepastian? Apakah kerana makhluk yang bernama jin ini telah dilumpuri oleh berbagai-bagai kepercayaan dan dongeng yang karut-marut? Tetapi dalam hal yang seperti ini, maka cara yang diikuti oleh kita ialah berusaha menghapuskan kekarutan-kekarutan dan dongeng-dongeng itu sebagaimana dilakukan oleh Al-Qur'an, bukannya menunjukkan kesombongan menafikan makhluk ini dari akar umbinya tanpa alasan dan tanpa dalil. Kejadian yang ghaib seperti ini pastilah diambil beritanya dari sumbernya yang tunggal yang dipercayai kesahihannya, dan sumber ini tidak patut ditentang dengan kefahaman-kefahaman yang terdahulu yang tidak diambil darinya, kerana apa yang dijelaskan oleh sumber Al-Qur'an ini merupakan kata pemutus dalam persoalan-persoalan seperti ini.

* * * * * *

Surah yang ada di hadapan kita sekarang ini di samping surah-surah yang lepas telah memberi satu sumbangan yang besar dalam membentuk kefahaman Islam tentang hakikat ketuhanan dan hakikat kehambaan, juga tentang alam dan penghuninya serta hubungan di antara berbagai-bagai makhluk ini.

Pengakuan-pengakuan Jin Dan Arahan-arahan Allah Kepada Nabi

Di dalam pengakuan jin tadi, ia mengakui keesaan Allah, menafikan adanya isteri dan anak pinak, menthabitkan balasan di Akhirat, dan tiada satu pun makhluk yang dapat melemahkan Allah di bumi ini dan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan dan balasan-Nya yang adil. Setengah-setengah hakikat ini diulang-ulang di dalam arahan-arahan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w.:

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."(20)

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah."(22)

Arahan-arahan ini dinyatakan selepas pengakuan jin yang jelas dan lengkap terhadap hakikat ini.

Pengakuan itu juga menjelaskan bahawa Uluhiyah atau ketuhanan itu hanya untuk Allah sahaja dan bahawa 'Ubudiyah atau kehambaan itu merupakan darjah yang paling tinggi yang dapat dicapai manusia:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ لِبَدًا ﴿١٩﴾

"Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya, mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya."(19)

Kemudian hakikat ini dikuatkan pula dengan arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w.:

قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat."(21)

Seluruh urusan ghaib itu hanya diketahui oleh Allah sahaja dan tidak diketahui oleh makhluk jin:

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Dan urusan ghaib itu tidak pula diketahui oleh rasul-rasul melainkan sekadar yang ditunjukkan Allah kepada mereka kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya:

قُلْ إِنْ أَدْرِيٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّيٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya (25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya."(27)

Pertalian Antara Makhluk Jin Dan Manusia

Surah ini juga telah mengajar kita bahawa di antara setengah-setengah makhluk yang menjadi hamba-hamba Allah di alam ini dengan setengah-setengah makhluk dari jenis yang lain itu mempunyai perkongsian-perkongsian dan jalan-jalan perhubungan walaupun kedua-dua jenis makhluk itu tidak sama bentuk rupanya seperti perkongsian-perkongsian yang wujud di antara makhluk jin dengan makhluk manusia sebagaimana diceritakan oleh surah ini dan surah-surah yang lain dari Al-Qur'an. Manusia bukanlah satu makhluk yang terpencil - walaupun di bumi - dari makhluk-makhluk yang lain, malah di antara manusia dengan makhluk-makhluk yang lain terdapat perhubungan dan interaksi dalam sesuatu bentuk yang tertentu. Keterasingan atau 'uzlah yang dirasai oleh manusia dari makhluk-makhluk yang lain, bahkan termasuk juga 'uzlah di antara individu-individu atau di antara suku-suku atau di antara kaum manusia sendiri, tidak wujud di dalam tabi'at dan realiti di alam ini. Oleh itu, kefahaman ini adalah lebih melapangkan perasaan manusia terhadap alam dengan segala roh, kuasa dan rahsia yang ada di dalamnya yang mungkin tidak diketahui manusia, tetapi tetap wujud di sekeliling mereka. Pendeknya manusia bukanlah satu-satunya penghuni alam buana ini sebagaimana kadang-kadang dirasakan mereka.

Pertalian Di Antara Istiqamah Dan Taqdir Ilahi

Selain dari itu di sana terdapat pula satu pertalian di antara kejujuran manusia berjalan di atas agama Allah dengan pergerakan alam dan taqdir Ilahi terhadap para hamba-Nya:

وَأَلَّوِ ٱسْتَقَٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَٰهُم مَّآءً غَدَقًا ﴿١٦﴾ لِّنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَمَن يُعْرِضْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِۦ يَسْلُكْهُ عَذَابًا صَعَدًا ﴿١٧﴾

"Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar."(17)

Hakikat ini membentuk sebahagian dari kefahaman Islam mengenai pertalian-pertalian di antara manusia, alam dan perencanaan-perencanaan Allah.

Demikianlah ilham-ilham surah ini berkembang kepada bidang-bidang pengertian yang amat luas dan jauh walaupun bilangan ayat-ayatnya tidak melebihi dua puluh lapan ayat sahaja yang diturunkan kerana satu peristiwa dan sebab tertentu.

* * * * * *

Riwayat-riwayat Mengenai Cerita Rombongan Jin Mendengar Al-Qur'an

Adapun peristiwa sekumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an yang diceritakan oleh surah ini, maka di sana terdapat beberapa riwayat yang berbeza-beza mengenainya:

Ujar al-Imam al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi dalam kitabnya "دلائل النبوة". Kami dikhabarkan oleh Abu al-Hassan iaitu Ali ibn Ahmad ibn 'Abdan, kami dikhabarkan oleh Ahmad 'Ubayd as-Saffar, kami diceritakan oleh Ismail al-Qadhi, kami dikhabarkan oleh Musaddad, kami diceritakan oleh Abu 'Awanah dari Abu Bisyr dari Sa'id ibn Jubayr dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. tidak membaca Al-Qur'an kepada jin dan tidak pula melihat mereka. Rasulullah s.a.w. telah keluar bersama serombongan sahabat-sahabatnya menuju ke pasar 'Ukkaz, sedangkan di waktu itu syaitan-syaitan telah dihalangi dari mendengar berita langit dan mereka telah dipanah dengan panah-panah api. Lalu syaitan-syaitan itu kembali kepada kaum mereka, lalu mereka bertanya: "Mengapa kamu balik?" Jawab mereka: "Kami telah dihalangi dari mendapat berita langit dan kami telah dipanah dengan panah-panah api." Mereka pun berkata, "Tiada yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu kecuali ada sesuatu yang telah berlaku. Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuk bumi Timur dan Barat, dan carilah apakah sebab yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu." Lalu kumpulan syaitan itu menuju ke arah Tihamah iaitu tempat Rasulullah s.a.w. yang pada masa itu sedang berada di Nakhlah dalam perjalanannya menuju ke pasar 'Ukkaz. Beliau sedang bersembahyang Subuh bersama sahabat-sahabatnya, dan apabila mereka mendengar Al-Qur'an (yang dibacakan oleh Rasulullah s.a.w.), mereka pun

mendengarnya dengan teliti kemudian mereka berkata: "Demi Allah inilah yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit."

Apabila mereka pulang mendapatkan kaum mereka, maka di sana mereka berkata: "Wahai kaum kami! Kami telah mendengar bacaan ayat-ayat Al-Qur'an yang amat menarik. Ia menunjukkan ke jalan hidayat, lalu kami beriman kepadanya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun." Kemudian Allah menurunkan firman-Nya kepada Nabi-Nya:

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Jadi, yang diwahyukan kepada beliau ialah perkataan jin. (Ia diriwayatkan oleh Bukhari dari Musaddad seakan-akan ini, dan Muslim telah mengeluarkannya dari Syaiban ibn Farukh dari Abu 'Uwanah dengan nas ini).

Di sana ada lagi satu riwayat yang lain. Ujar Muslim dalam Sahihnya: Kami diceritakan oleh Muhammad ibn al-Muthanna, kami diceritakan oleh Abdul A'la, kami diceritakan oleh Daud iaitu anak Abu Hind dari 'Amir katanya: Aku bertanya 'Alqamah: "Adakah Ibn Mas'ud ada bersama Rasulullah s.a.w. pada malam peristiwa jin itu? "Kata 'Amir: Jawab 'Alqamah: "Aku telah bertanya Ibn Mas'ud r.a. dengan kataku: Adakah sesiapa di antara kamu yang hadir bersama Rasulullah s.a.w. pada malam peristiwa jin?" Dia menjawab: "Tidak ada, tetapi kami pada suatu malam ada bersama-sama Rasulullah s.a.w., kemudian kami kehilangannya. Lalu kami cari beliau di beberapa wadi dan jalan-jalan celah bukit. Lalu ditanya: "Adakah beliau hilang secara tiba-tiba? Adakah beliau telah dibunuh?" Kata Ibn Mas'ud: "Itulah seburuk-buruk malam yang kami tiduri. Apabila kami berada di pagi keesokan hari, tiba-tiba beliau datang dari arah Bukit Hira'.". Kata Ibn Mas'ud: Kami pun berkata: Wahai Rasulullah s.a.w.! Semalam kami kehilangan anda, lalu kami mencari anda dan kami tidak dapat menemui anda. Itulah seburuk-buruk malam yang kami tiduri." Jawab beliau: "Aku telah didatangi oleh penjemput dari makhluk jin, lalu aku pergi bersama mereka dan aku baca Al-Qur'an kepada mereka." Kata Ibn Mas'ud: Beliau pun pergi membawa kami dan menunjukkan kepada kami kesan-kesan jin itu dan kesan-kesan api mereka. Makhluk jin itu memohon bekalan makanan, lalu beliau bersabda: "Setiap tulang yang disebut nama Allah (ketika makan) dan jatuh ke tangan kamu merupakan daging yang sempurna kepada kamu: Setiap tahi binatang merupakan makanan kepada binatang-binatang ternakan kamu." Sabda Rasulullah s.a.w.: "Oleh itu, janganlah kamu beristinjak dengan kedua-duanya (tulang dan tahi binatang) kerana kedua-duanya makanan saudara kamu."

Di sana ada lagi satu riwayat dari Ibn Mas'ud bahawa beliau pada malam itu ada bersama Rasulullah s.a.w. Tetapi sandaran riwayat yang pertama adalah lebih kuat dari riwayat ini. Oleh itu, kami ketepikan riwayat ini dan riwayat-riwayat yang seumpamanya. Dari dua riwayat yang tersebut dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim itu ternyata bahawa ibn 'Abbas berkata: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. tidak mengetahui tentang kehadiran rombongan jin itu. Dan Ibn Mas'ud pula berkata: "Bahawa jin-jin itu datang menjemput beliau." Untuk mengseimbangkan dua riwayat itu, al-Bayhaqi mengatakan bahawa kedua-duanya merupakan dua peristiwa yang berasingan bukannya satu peristwa.

Di sana ada lagi riwayat yang ketiga bagi Ibn Ishaq katanya:

Peristiwa Penghinaan Yang Menyayat Di Ta'if

Apabila Abu Talib meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. telah menerima tindasan-tindasan dari orang-orang Quraysy yang tidak pernah diterima semasa hidup bapa saudaranya Abu Talib. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. telah keluar ke Ta'if untuk meminta bantuan dan pertolongan dari suku Thaqif supaya mereka mempertahankan beliau dari kejahatan kaumnya, di samping mengharapkan agar suku Thaqif dapat menerima da'wah Allah yang di bawa olehnya, beliau keluar mendapatkan mereka seorang diri. Ujar Ibn Ishaq:

Kemudian kami diceritakan oleh Yazid ibn Ziyad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. tiba ke Ta'if, beliau terus mendapatkan beberapa orang bangsawan dan pembesar Thaqif. Mereka ialah tiga orang yang bersaudara Yalyl ibn 'Umar ibn 'Umayr, Mas'ud ibn 'Amr ibn 'Umayr dan Habib ibn 'Amr ibn 'Umayr bersama salah seorang dari mereka terdapat seorang perempuan Quraysy dari Bani Jumah. Lalu Rasulullah s.a.w. duduk menemui mereka dan menyeru mereka kepada agama Allah serta menceritakan kepada mereka bahawa tujuan kedatangannya ialah untuk meminta sokongan mereka terhadap agama Islam dan supaya mereka sanggup berjuang bersama beliau untuk melawan kaumnya yang menentang beliau. Salah seorang dari mereka berkata sambil mengoyakkan kain Ka'bah: Apakah benar Allah mengutus engkau menjadi Rasul? Dan seorang lagi berkata: Adakah Allah tidak mendapat seorang yang lain dari engkau untuk di angkat menjadi Rasul? Kemudian orang yang ketiga berkata pula: Demi

Allah, aku tidak akan bercakap dengan engkau buat selama-lamanya, kerana jika benar engkau ini utusan dari Allah tentulah kedudukan engkau terlalu tinggi untuk aku menjawab percakapan engkau, dan jika engkau dusta terhadap Allah, sudah tentu aku tidak patut bercakap dengan engkau, Rasulullah s.a.w. pun bangkit hendak meninggalkan mereka dan beliau tidak menaruh apa-apa harapan lagi untuk mendapatkan apa-apa pertolongan dari suku Thaqif, kemudian beliau bersabda kepada mereka - menurut ceritanya kepadaku – "Segala apa yang telah kamu lakukan itu aku harap kamu rahsiakannya sahaja". Rasulullah s.a.w. tidak suka berita itu sampai kepada kaumnya supaya mereka tidak menghasutkan kaum Thaqif bertindak terhadap beliau.

Tetapi kaum Thaqif tidak mengendahkan permintaan beliau dan terus menghasut orang-orang yang nakal dan bebal dan hamba sahaya mereka memaki hamun Rasulullah s.a.w. dan menyorak-nyorakkannya hingga orang ramai datang mengerumuninya dan mendorongnya masuk berlindung dalam sebuah kebun yang dimiliki 'Utbah ibn Rabi'ah dan Shaybah ibn Rabi'ah. Dan kedua-duanya ada di dalam kebun itu. Lalu kumpulan orang-orang Thaqif yang nakal dan bebal yang sedang mengekori beliau itu pun balik meninggalkannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. pergi berteduh di bawah bayang serumpun dahan anggur dan duduk di sana, sedangkan 'Utbah dan Shaybah memperhatikannya dan melihat bagaimana beliau dihinakan oleh orang-orang yang nakal dan bebal dari penduduk Ta'if itu. Apabila Rasulullah s.a.w. merasa tenteram ia pun berdo'a - menurut ceritanya kepadaku:

Doa Rasulullah Di Sa'at Menerima Penghinaan

اللهمّ إليك أشكو ضعف قوتي ، وقتله حيلتي ، وهواني على الناس ، يا أرحم الراحمين ، أنت رب المستضعفين وأنت ربي ، إلى من تكلني ؟ إلى بعيد يتجهّمني ؟ أم إلى عدوّ ملكته أمري ؟ إن لم يكن بك عليّ غضب فلا أبالي ، ولكن عافيتك هي أوسع لي . أعوذ بنور وجهك الذي أشرقت له الظلمات ، وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة من أن تنزل بي غضبك ، أو يحل عليّ سخطك ، لك العتبى حتى ترضى ، ولا حول ولا قوة إلا بك.

"Ya, Tuhanku! Aku merayu padamu betapa lemahnya kekuatanku, betapa sedikitnya keupayaanku, betapa hinanyaku di sisi manusia. Wahai Tuhan yang paling pengasih dari semua yang pengasih! Engkaulah Tuhan orang-orang yang lemah dan Engkaulah Tuhanku. Kepada siapakah Engkau serahkan diriku? Adakah kepada orang jauh yang menyambutku dengan wajah yang masam? Atau kepada musuh yang Engkau telah memberi kuasa kepadanya mengganggu urusanku? Andainya tiada apa-apa kemarahan-Mu terhadapku, maka tiadalah apa-apa yang menyusahkanku, tetapi perlindungan-Mu kepadaku itulah yang lebih selesa kepadaku. Aku berlindung dengan nur wajah-Mu yang menerangi segala kegelapan dan menjadi asas kebaikan urusan dunia dan Akhirat dari diturunkan kemurkaan-Mu atau ditimpa kemarahan-Mu ke atasku. Kepada-Mulah taubat dari dosa dan kejahatan hingga Engkau redhai, dan tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Mu."

Dialog Di Antara Rasulullah Dan 'Addas

Muhammad ibn Ka'b bercerita lagi: Apabila 'Utbah dan Shaybah ibn Rabi'ah itu melihat Rasulullah s.a.w. dan penderitaannya, maka tergeraklah rasa kasihan belas di hati mereka terhadap beliau, lalu kedua-duanya memanggil seorang hamba mereka yang beragama Kristian bernama 'Addas dan berkata kepadanya: "Ambillah setangkai buah anggur ini dan taruhkannya dalam pinggan ini kemudian bawakannya kepada lelaki itu dan suruhlah dia makan," Lalu 'Addas pun berbuat seperti yang disuruh dan membawa anggur itu dan meletakkannya di hadapan Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Silalah makan!" Apabila Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya pada buah itu beliau pun membaca "Bismillah" kemudian barulah ia makan. 'Addas merenungi wajah beliau dan berkata: "Demi Allah perkataan ini tidak pernah dikatakan oleh penduduk negeri ini." Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: "Engkau dari penduduk negeri mana, wahai 'Addas? Dan apa agamamu?" Jawab 'Addas: "Saya beragama Kristian dan saya dari negeri Ninawa." Rasulullah s.a.w. berkata: "Engkau dari negeri seorang yang soleh Yunus ibn Matti?" Kata 'Addas: "Tahukah engkau siapakah Yunus ibn Matti itu?" Jawab Rasulullah s.a.w., "Dia itu saudaraku. Dia seorang Nabi dan aku pun seorang Nabi." Lalu 'Addas pun menerkami Rasulullah s.a.w. mencium kepalanya, tangannya dan kakinya. Muhammad ibn Ka'b meneruskan ceritanya: Lalu salah seorang dari anak-anak Rabi'ah itu berkata kepada saudaranya: "Hamba awak itu telah dirosakkan oleh orang itu." Oleh itu, apabila 'Addas pulang mendapatkan mereka, mereka pun berkata: "Celaka engkau hai 'Addas. Mengapa engkau kucup kepala dan kaki tangan orang itu?" Jawab 'Addas: "Tuan Hamba! Tiada seorang pun di bumi ini yang lebih baik dari orang itu. Dia telah menerangkan kepada hamba satu perkara yang tidak dapat diketahui melainkan oleh seorang Nabi." Lalu mereka berkata kepada 'Addas: "Kasihan kepadamu, hai 'Addas! Janganlah ia pesongkanmu dari agamamu, kerana agamamu lebih baik dari agamanya."

Rombongan Jin Mendengar Rasulullah Membaca Al-Qur'an Di Nakhlah

Kata Muhammad ibn Ka'b meneruskan ceritanya: Kemudian Rasulullah s.a.w. meninggalkan Ta'if pulang ke Makkah setelah beliau tidak mempunyai apa-apa harapan mendapat sebarang pertolongan dari Thaqif. Apabila beliau sampai di Nakhlah beliau bangun di tengah malam mendirikan solat, tiba-tiba lalu rombongan jin yang diceritakan Allah di dalam Al-Qur'an. Mereka terdiri dari tujuh orang dari jin penduduk kampung Nisibin. Mereka mendengar Rasulullah s.a.w. membaca Al-Qur'an. Dan apabila beliau selesai dari solatnya, mereka pun pulang

kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka, sedangkan mereka sendiri telah beriman dan menyambut da'wah Allah yang telah didengar mereka itu. Lalu Allah ceritakan berita mereka kepada Rasulullah s.a.w. dalam firman-Nya:

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan kenangilah ketika Kami dorongkan kepadamu sekumpulan jin untuk mendengar bacaan Al-Qur'an darimu. Apabila mereka hadir di situ mereka pun berkata sesama mereka: Diamlah dan dengarlah baik-baik. Apabila selesai bacaan itu, mereka pun pulang kepada kaum mereka memberi peringatan. Mereka berkata: Wahai kaum kami! Kami telah mendengar bacaan sebuah kitab yang diturunkan selepas Nabi Musa yang membenarkan kitab-kitab sebelumnya dan menunjukkan kepada pengajaran yang benar dan ke jalan yang lurus. Wahai kaum kami! Sambutlah da'wah orang yang menyeru ke jalan Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan melindungkan kamu dari 'azab yang amat pedih."

(Surah al-Ahqaf: 29-31)

Juga dalam firman-Nya:

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar....."(1)

Hingga akhir cerita mereka dalam surah ini.

Pendapat Ibn Kathir Dan Sayyid Qutb Tentang Peristiwa Rombongan Jin Mendengar Al-Qur'an

Ibn Kathir dalam tafsirnya telah mengulaskan riwayat Ibn Ishaq ini dengan katanya: Cerita ini betul, tetapi cerita mengenai jin-jin itu mendengar bacaan Al-Qur'an pada malam itu adalah dipertikaikan, kerana mereka mendengar bacaan Al-Qur'an itu pada permulaan diwahyukannya sebagaimana yang dapat difaham dari cerita Ibn 'Abbas r.a. yang telah lalu, sedangkan pemergian Rasulullah s.a.w. ke Ta'if itu ialah selepas kematian bapa saudaranya, iaitu kira-kira setahun atau dua tahun sebelum Hijrah sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn Ishaq dan lainnya. Wallahualam.

Andainya cerita Ibn Ishaq ini sahih iaitu cerita yang mengatakan bahawa peristiwa kumpulan jin mendengar bacaan Al-Qur'an itu adalah berlaku selepas Rasulullah s.a.w. pulang dari Ta'if dengan perasaan patah hati kerana menerima layanan yang buruk dan degil dari pembesar-pembesar Thaqif dan selepas beliau mengangkatkan do'a patah hatinya dan cinta kasihnya kepada Allah, maka dari segi ini, cerita ini amat menarik sekali kerana ia mengisahkan bagaimana Allah mendorongkan sekumpulan jin pergi mendengar bacaan Al-Qur'an dari Rasulullah s.a.w., dan kemudian menceritakan kepada beliau apa yang telah dilakukan dan apa yang telah dikatakan jin-jin itu kepada kaum mereka. Cerita ini mengandungi pengertian-pengertian dan isyarat-isyarat yang halus yang memberi banyak ilham.

Walaupun di waktu mana dan dengan sebab apa sekalipun berlakunya peristiwa ini, namun kandungan cerita ini yang disusulkan dengan pengakuan makhluk jin tentang kebenaran Al-Qur'an dan agama Islam ini adalah tetap membawa pengertian-pengertian yang amat besar. Sekarang marilah kita ikuti penerangan Al-Qur'an sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan."(1)

Kata-kata **النفر** (sekumpulan jin) bererti kumpulan yang terdiri di antara tiga dan sembilan orang yang menurut satu riwayat mereka adalah terdiri dari sembilan orang jin.

Sambutan Hangat Makhluk Jin Terhadap Al-Qur'an

Pembukaan ayat ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. mengetahui cerita kumpulan jin mendengar beliau membaca Al-Qur'an, dan tindakan-tindakan mereka selanjutnya selepas mendengar Al-Qur'an itu adalah melalui wahyu dari Allah S.W.T. yang memberitahu kepada beliau apa yang telah berlaku, sedangkan beliau sendiri tidak mengetahui perkara itu. Mungkin peristiwa ini merupakan peristiwa pertama, kemudian berlaku pula sekali atau beberapa kali Nabi s.a.w. membaca Al-Qur'an kepada jin-jin dengan sengaja dan diketahui oleh beliau. Ini dibuktikan oleh riwayat yang menerangkan bahawa Nabi s.a.w. membaca Surah ar-Rahman yang dikeluarkan oleh at-Tirmizi dengan isnadnya dari Jabir r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. keluar menemui

sahabatnya dan membaca kepada mereka Surah ar-Rahman sehingga akhirnya dan mereka terdiam, lalu beliau berkata, "Aku telah baca surah ini kepada jin, dan sambutan mereka adalah lebih baik dari kamu. Setiap kali aku tiba pada ayat:

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

"Manakah satu ni'mat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakannya?"

(Surah ar-Rahman: 25)

mereka menjawab:

لا بشيء من نعمك ربنا نكذب ، فلك الحمد.

"Wahai Tuhan kami! Tiada satu pun ni'mat Engkau yang kami dustakannya. Oleh itu, segala kepujian terpulang kepada-Mu".

Riwayat ini menguatkan riwayat ibn Mas'ud r.a. yang telah dibentangkan di pendahuluan tafsir surah ini.

Tidak syak lagi, bahawa peristiwa yang diceritakan oleh surah ini ialah peristiwa yang diceritakan oleh Surah al-Ahqaf:

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِىَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an). Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka(29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus(30). Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih(31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(32)

(Surah al-Ahqaf)

Ayat-ayat Surah al-Ahqaf ini sama seperti ayat-ayat, dalam surah ini iaitu menceritakan detik-detik pertama perasaan terpesona makhluk jin terhadap Al-Qur'an iaitu rasa terpesona yang menggegarkan hati mereka, menggoncangkan perasaan yang tidak dapat ditahankan mereka dan membuat mereka begitu terharu, dan kerana itu mereka dengan tergesa-gesa mendapatkan kaum mereka sebelum menceritakannya kepada orang lain. Mereka berkata dengan gaya kata yang bersemangat, terharu, serius dan penuh perhatian. Mereka laksana seorang yang dikejutkan oleh satu peristiwa yang amat mengharukan hatinya dan menghilangkan kesabarannya dan terus terdorong untuk memindahkan perasaan yang berkecamuk dalam jiwanya kepada jiwa orang-orang lain dengan penuh ghairah, kesungguhan dan perhatian yang berat.

فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjub."(1)

Sifat pertama yang mengkagumkan mereka dari Al-Qur'an itu ialah Al-Qur'an itu amat menakjubkan iaitu luar biasa. Ia menimbulkan rasa takjub di dalam hati mereka. Inilah sifat Al-Qur'an yang dirasai oleh orang yang menerimanya dengan hati yang sedar dan terbuka, dengan perasaan yang tajam dan peka dan dengan citarasa yang amat rasa. Ayat-ayat itu begitu menakjubkan. Ia mempunyai pengaruh yang kuat, daya penarik yang menawan dan nada yang menyentuh perasaan dan menggentarkan tali hati. Ini menunjukkan bahawa makhluk jin itu benar-benar merasa dan mengecapi keindahan Al-Qur'an.

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ

"Yang membimbing ke jalan hidayat."(2)

Pengertian "Ar-Rusyd" - الرشد

Inilah sifat yang kedua Al-Qur'an yang amat nyata, yang dirasai oleh rombongan jin apabila mereka dapati hakikat sifat ini di dalam hati mereka, Kata-kata **"membimbing"** itu sendiri mempunyai pengertian yang amat luas. Al-Qur'an membimbing ke hidayat Allah, kepada kebenaran dan kepada ajaran yang betul. Tetapi kata-kata "الرشد", memberi satu bayangan makna yang lain di sebalik semua makna-makna tersebut, iaitu bayangan makna kematangan dan kesaksamaan berfikir dan ilmu pengetahuan yang betul dan matang dalam memahami hidayat, kebenaran dan ajaran yang betul,

bayangan pemahaman spontan yang jelas terhadap hakikat-hakikat dan nilai-nilai (yang di kemukakan oleh Al-Qur'an), bayangan pemahaman yang melahirkan satu keadaan spontan dalam jiwa yang membimbingkannya kepada kebaikan dan kefahaman yang betul.

Al-Qur'an itu membimbing ke jalan yang benar kerana ia membuat hati manusia terbuka dan peka dan kerana ia mencetuskan kefahaman dan makrifat dalam hati mereka dan menghubungkan mereka dengan sumber nur dan hidayat Allah menyesuaikan mereka dengan undang-undang Allah Yang Agung. Begitu juga Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang benar, dengan sistem hidupnya yang teratur rapi, iaitu satu sistem hidup yang belum pernah dicapai manusia di sepanjang sejarahnya, atau di dalam mana-mana tamadun atau di dalam mana-mana sistem seperti yang dicapai oleh mereka di bawah naungan sistem Al-Qur'an sama ada kepada individu atau kelompok, sama ada kepada hati atau masyarakat, sama ada kepada akhlak individu atau kepada hubungan sosial.

فَـَٔامَنَّا بِهِۦ

"Oleh itu, kami beriman dengannya."(2)

Al-Qur'an Membawa Makhluk Jin Kepada Keimanan Yang Tulen

Itulah sambutan semulajadi yang jujur apabila mendengar Al-Qur'an, memahami tabi'atnya dan menghayati hakikatnya. Al-Qur'an membentangkan sambutan makhluk jin ini kepada kaum Musyrikin, yang telah mendengar Al-Qur'an, tetapi mereka tidak beriman. Di samping itu mereka hubungkan Al-Qur'an ini dengan jin dan menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai kahin, penyair dan orang yang dirasukkan jin. Semuanya merupakan sifat-sifat orang yang dipengaruhi jin, sedangkan makhluk-makhluk jin itu sendiri amat terpesona dan terpengaruh dengan Al-Qur'an hingga menggegarkan seluruh jiwa mereka, dan setelah mereka mengenal kebenaran Al-Qur'an mereka terus beriman dan mengumumkan keimanan mereka dengan patuh dan jujur. *"Kami beriman dengannya,"* mereka tidak mengingkarkan pengaruh Al-Qur'an yang telah menawan hati mereka dan tidak pula bersikap degil sebagaimana dilakukan oleh kaum Musyrikin.

وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Itulah keimanan sejati, jelas dan betul, tidak bercampur-aduk dengan syirik dengan kepercayaan-kepercayaan tahyul yang karut-marut. Itulah keimanan yang lahir dari kefahaman terhadap hakikat Al-Qur'an dan terhadap hakikat yang diseru oleh Al-Qur'an iaitu hakikat tauhid atau 'aqidah mengesakan Allah Yang Tunggal tanpa sebarang sekutu.

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾

"Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Kata-kata "الجد" bererti bahagian, habuan, kedudukan dan martabat, iaitu kebesaran dan kekuasaan, semuanya merupakan makna-makna yang terpancar dari kata-kata itu dan sesuai dengan tempatnya. Maksud umum dari makna kata-kata ini di dalam ayat ini ialah mengungkapkan perasaan hati bahawa Allah Yang Maha Tinggi, Maha Besar dan Maha Agung itu adalah Maha Suci dari mempunyai isteri dan anak-anak sama ada lelaki atau perempuan. Menurut kepercayaan orang-orang Arab, malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah yang lahir dari perkahwinan-Nya dengan makhluk jin. Dan kini jin-jin sendiri mendustakan kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng yang karut-marut itu untuk membersih dan mentasbihkan Allah dan menolak sebarang konsep syirik terhadap Allah. Sepatutnya makhluk-makhluk jin itu berbangga dengan hubungan perkahwinan tahyul dan dongeng itu jika ada sedikit sebanyak hubungan itu pada anggapan mereka. Ayat ini merupakan sebuah ledakan bom yang menghancur-leburkan kepercayaan-kepercayaan karut kaum Musyrikin dan kepercayaan-kepercayaan yang mempunyai titik-titik keserupaan dengan kepercayaan itu, yang menganggapkan Allah mempunyai anak. Maha Sucilah Allah dari sebarang rupa dan gambaran beranak.

وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن تَقُولَ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾

"Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dahulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah."(5)

Ini merupakan teguran dan koreksi kumpulan jin itu terhadap kepercayaan yang menganggapkan Allah mempunyai sekutu, mempunyai isteri dan anak yang mereka dengar dari orang-orang yang biadab dan bebal dari kalangan mereka setelah mereka sedar selepas mendengar keterangan Al-Qur'an bahawa kepercayaan itu tidak benar. Kini mereka sedar bahawa orang-orang yang mengeluarkan perkataan-perkataan itu adalah orang-orang bodoh yang biadab. Mereka memberi alasan bahawa dahulunya mereka percaya perkataan-perkataan orang-orang biadab itu kerana mereka tidak terfikir adanya seorang manusia atau jin yang sanggup mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Mereka dahulu memandang berat perbuatan mengatakan sesuatu yang bohong terhadap Allah, kerana itu apabila orang-orang biadab dari mereka mengatakan Allah mempunyai isteri, anak dan sekutu mereka terus percayakan mereka

kerana mereka tidak terfikir sama sekali bahawa orang-orang itu tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Perasaan kejinya perbuatan dusta terhadap Allah yang dirasai oleh kumpulan jin itulah yang membawa dan melayakkan mereka menjadi Ahlil Iman. Ini merupakan petanda bahawa hati mereka bersih dan lurus dan mereka hanya tersesat kerana tertipu dan terlalu jujur, tetapi apabila mereka sedar dan mengenal kebenaran, mereka terus bangkit memberontak dan berkata lantang:

إِنَّا سَمِعۡنَا قُرۡءَانًا عَجَبٗا ١

يَهۡدِيٓ إِلَى ٱلرُّشۡدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦۖ وَلَن نُّشۡرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدٗا ٢

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةٗ وَلَا وَلَدٗا ٣

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun(2). Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Kebangkitan dan pemberontakan kumpulan jin kerana menyedari kebenaran itu sepatutnya menyedarkan hati orang ramai yang tertipu kepada pembesar-pembesar Quraysy yang menganggapkan Allah itu mempunyai sekutu atau isteri dan anak. Mereka sepatutnya sedar, teliti dan mengkaji kebenaran, apa yang dikatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan apa yang dikatakan oleh pembesar-pembesar Quraysy itu dan sepatutnya kebangkitan jin itu menggugatkan kepercayaan mereka yang membuta tuli, terhadap perkataan-perkataan pembesar-pembesar yang biadab itu. Inilah yang dimaksudkan dengan penjelasan hakikat ini. Ia merupakan satu pusingan dari satu perjuangan yang panjang di antara Al-Qur'an dan kaum Quraysy yang degil di samping merupakan satu rawatan dari siri-siri rawatan dan pengubatan yang beransur-ansur untuk menghapuskan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut dari hati orang ramai yang sebahagian besarnya tertipu dan tersesat dengan kepercayaan-kepercayaan khurafat yang karut-marut yang disumbatkan oleh pemimpin-pemimpin mereka yang jahil dan bodoh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Makhluk Jin Menolak Kepercayaan Bahawa Mereka Berkuasa Di Bumi

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٞ مِّنَ ٱلۡإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٖ مِّنَ ٱلۡجِنِّ
فَزَادُوهُمۡ رَهَقٗا ٦

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Ini merupakan isyarat dari makhluk jin kepada satu kepercayaan yang lumrah dalam masyarakat jahiliyah dan masih terus lumrah hingga ke zaman ini di dalam berbagai masyarakat, iaitu kepercayaan yang menganggapkan makhluk jin itu mempunyai kuasa di atas alam bumi dan manusia, mempunyai qudrat kuasa mendatangkan manfa'at dan mudarat dan menguasai semua kawasan bumi, laut dan udara dan sebagainya hingga menyebabkan kaum Musyrikin memohon perlindungan kepada ketua jin yang menjaga sesuatu wadi dari kejahatan orang-orangnya yang nakal apabila mereka hendak bermalam di padang gurun atau tempat yang sunyi. Setelah itu barulah mereka dapat tidur dengan aman.

Syaitan (jin penghasut - Penterjemah.) itu dapat mengongkongi hati manusia kecuali mereka yang dilindungi Allah sahaja yang terselamat dari kongkongannya. Orang yang bergantung kepada syaitan, maka syaitan tidak memberi sesuatu manfa'at kepadanya kerana syaitan adalah musuhnya, malah syaitan akan menyakitinya dan menyusahkannya. Kumpulan jin itu sendiri menceritakan apa yang berlaku:

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٞ مِّنَ ٱلۡإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٖ مِّنَ ٱلۡجِنِّ
فَزَادُوهُمۡ رَهَقٗا ٦

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Barangkali yang dimaksudkan dengan kesusahan itu ialah kesesatan, kegelisahan dan kebingungan yang berkecamuk di dalam hati mereka yang bergantung kepada musuh mereka syaitan dan tidak mencari perlindungan pada Allah sebagaimana mereka telah diperintah berbuat demikian sejak moyang mereka Adam a.s. lagi, kerana di antara Iblis dan Adam terdapat perseteruan yang lama.

Apabila hati manusia mencari perlindungan pada yang lain dari Allah kerana tamakkan sesuatu faedah atau kerana hendak menolakkan sesuatu bencana, maka dia tidak akan mendapat apa-apa selain dari kegelisahan, kebingungan, tidak tenang dan tidak tenteram. Inilah kesusahan dalam bentuk yang amat buruk yang membuat hati manusia tidak dapat menikmati keamanan dan kerehatan.

Segala sesuatu - selain Allah - dan setiap manusia adalah berubah, dan tidak tetap belaka, semuanya akan hilang tidak kekal belaka. Oleh itu, apabila hati bergantung kepada sesuatu yang tidak tetap dan kekal, maka ia sentiasa terumbang-ambing, resah-gelisah, bimbang dan cemas. Hati itu akan kembali mengubahkan haluannya apabila sesuatu atau seseorang yang diharapinya itu hilang atau tidak ada lagi. Hanya Allah sahaja yang kekal tidak hilang, yang hidup tidak mati dan yang tetap tidak berubah. Oleh itu, sesiapa berpegang kepada Allah bererti ia berpegang kepada yang tetap tidak hilang dan berubah.

وَأَنَّهُمۡ ظَنُّواْ كَمَا ظَنَنتُمۡ أَن لَّن يَبۡعَثَ ٱللَّهُ أَحَدٗا ٧

"Dan sesungguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu berfikir bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun."(7)

Kumpulan jin itu menceritakan kepada kaumnya tentang manusia-manusia yang meminta perlindungan pada jin-jin itu, mereka berkata: Sesunguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun, tetapi tengoklah sekarang Allah telah membangkitkan rasul - membawa Al-Qur'an yang menunjukkan kejadian yang benar atau maksudnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu bahawa di sana tidak akan ada kebangkitan selepas mati dan tidak akan ada hisab, kerana itu mereka tidak menyediakan sesuatu untuk Akhirat dan mereka mendustakan segala janji Akhirat yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. kerana mereka tidak mempercayainya.

Makhluk Jin Mempunyai Dwi Tabi'at Hala Sama Seperti Manusia

Kedua-dua sangkaan atau fikiran itu salah belaka. Ia membayangkan kejahilan dan kekurangan pengertian terhadap hikmat Allah yang menciptakan manusia. Allah menciptakan manusia dengan dari kesediaan semulajadi, iaitu kesediaan untuk kebaikan dan kejahatan, untuk kesesatan dan hidayat. Dari surah ini juga kita dapat mengetahui bahawa makhluk jin juga mempunyai dwi kesediaan seperti manusia kecuali jin yang menumpukan kegiatannya kepada kejahatan sahaja seperti Iblis. Ia telah diusir dari rahmat Allah kerana melanggar perintah Allah dan akhirnya menjadi jahat semata-mata tanpa mempunyai dwi kesediaan lagi.

Kebangkitan Rasul Dan Kebangkitan Di Alam Akhirat Diwujudkan Untuk Kepentingan Dan Kesempurnaan Manusia

Oleh kerana manusia dijadikan dengan dwi kesediaan, maka rahmat Allah hendak menolong manusia dengan mengutuskan para rasul yang dapat menghidup dan menyuburkan unsur-unsur kebaikan dalam jiwa mereka dan menyelamatkan kesediaan semulajadi mereka untuk menerima hidayat yang ada di dalam jiwa mereka. Oleh itu, tidak ada tempat lagi untuk difikirkan bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul kepada mereka.

Ini jika kebangkitan dalam ayat itu diertikan dengan kebangkitan rasul, tetapi jika diertikan dengan kebangkitan di alam Akhirat, maka kebangkitan di Akhirat itu juga merupakan suatu keperluan untuk makhluk manusia yang tidak dapat disempurnakan hisab mereka di dunia kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, yang ada hubungan dengan penyusunan alam al-wujud yang hanya diketahui oleh Allah dan tidak diketahui oleh kita. Kerana itu Allah jadikan kebangkitan di alam Akhirat dengan tujuan supaya manusia dapat menerima hisab mereka dengan sempurna dan supaya manusia pada akhirnya menerima balasan menurut kerjayakan yang ditunjukkan oleh amalan mereka dalam kehidupan dunia. Berdasarkan hakikat ini, tidak ada tempat lagi untuk difikirkan bahawa Allah tidak akan membangkitkan manusia selepas mati kerana fikiran seperti itu bertentangan dengan hikmat kebijaksanaan dan kesempurnaan Allah S.W.T.

Kumpulan jin yang telah mendengar Al-Qur'an itu telah membetulkan fikiran kaumnya, dan tujuan cerita Al-Qur'an tentang kumpulan jin ini ialah untuk membetulkan kepercayaan kaum Musyrikin yang karut-marut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Kemudian kumpulan jin itu meneruskan cerita mereka tentang pengalaman dan pengetahuan mereka mengenai kedudukan kerasulan ini di alam buana, dan seluruh pelusuknya dan di dalam hal ehwal langit bumi untuk membersihkan diri mereka dan segala percubaan yang tidak sesuai dengan kehendak Allah yang menurunkan risalah ini dan menolak segala dakwaan yang mengaku mengetahui urusan ghaib dan mengaku dapat menguasai sesuatu darinya:

وَأَنَّا لَمَسْنَا ٱلسَّمَآءَ فَوَجَدْنَٰهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا ﴿٨﴾
وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَٰعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ ٱلْـَٔانَ يَجِدْ لَهُۥ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾

"Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapati penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-beritanya, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya."(9)

Kini Makhluk Jin Tidak Dapat Lagi Mencuri Berita Dari Langit

Kejadian-kejadian yang dikatakan oleh jin yang diceritakan oleh Al-Qur'an membayangkan bahawa makhluk jin sebelum kerasulan Muhammad, iaitu mungkin dalam masa di antara kerasulan yang akhir dengan kerasulan sebelumnya iaitu kerasulan 'Isa a.s., telah cuba membuat perhubungan dengan alam tinggi untuk mencuri dengar sesuatu yang sedang dibicarakan di antara para malaikat mengenai urusan-urusan, makhluk alam bumi yang ditugaskan kepada mereka melaksanakannya demi menjunjung kehendak Allah dan ketetapan-ketetapan-Nya, kemudian jin-jin itu akan membisikkan rahsia-rahsia yang didengarkan mereka itu kepada kahin-kahin dan tukang-tukang telek yang berhubung rapat dengan mereka supaya mereka dapat menimbulkan fitnah kepada manusia

menurut perancangan-perancangan Iblis melalui kahin-kahin dan tukang-tukang telek yang menggunakan sedikit kebenaran dan mencampuradukkannya dengan kebatilan yang banyak, kemudian mereka hamburkannya kepada orang ramai yang hidup dalam masa di antara dua kerasulan itu atau dalam masa kekosongan rasul itu. Tetapi tentang bagaimana cara dan bagaimana gambaran kejadian-kejadian ini berlaku, maka Allah tidak menerangkan apa-apa kepada kita dan tidak pula perlu kepada kita menyelidikinya. Apa yang diceritakan di sini hanya gambaran umum atau intisari hakikat ini sahaja.

Kumpulan jin itu menerangkan bahawa usaha mencuri dengar berita-berita dari langit itu tidak mungkin lagi dilakukan, dan apabila mereka lakukan percubaan itu di waktu ini, mereka dapati jalan ke sana telah dikawal rapi oleh pengawal-pengawal yang kuat yang memanah mereka dengan panah-panah api untuk menyerang dan membunuh mereka yang menuju ke sana. Mereka seterusnya menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui sesuatu apa dari urusan ghaib yang ditetapkan untuk manusia:

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Makhluk Jin Mengaku Tidak Mengetahui Urusan Ghaib

Urusan-urusan ghaib itu adalah terserah kepada ilmu Allah dan tiada siapa pun yang mengetahui selain dari-Nya. Oleh itu, kami tidak mengetahui apakah yang diputuskan Allah untuk para hamba-Nya di bumi, adakah Allah telah memutuskan untuk menimpakan malapetaka ke atas mereka dengan membiarkan mereka di dalam kesesatan atau Allah memutuskan untuk memberi kebaikan kepada mereka iaitu memberi hidayat yang mereka jadikannya sebagai lawan kepada kejahatan? Hidayat ialah kebaikan dan akibatnya juga ialah kebaikan.

Andainya makhluk jin yang didakwa oleh kahin-kahin, sebagai sumber mereka mengambil maklumat-maklumat urusan ghaib itu sendiri menegaskan bahawa mereka tidak mengetahui sedikit pun urusan ghaib, maka ini bererti segala ramalan dan segala dakwaan mereka adalah kosong belaka, dan segala kerja ramalan dan telekan mereka telah berakhir semuanya dan seluruh urusan ghaib hanya diketahui oleh Allah sahaja, tiada siapa pun yang boleh mendakwa mengetahui atau boleh meramalkannya. Dengan ayat ini, Allah mengisytiharkan pembebasan akal manusia dari kepercayaan-kepercayaan dan sangkaan-sangkaan yang karut seperti ini, dan mengumumkan bahawa sejak hari itu manusia telah ditunjukkan ke jalan hidayat dan dibebaskan dari segala khurafat dan dongeng.

Hakikat Pengawal-pengawal Langit Dan Panah Api

Persoalan di manakah pengawal-pengawal langit itu? Siapakah mereka? Dan bagaimana syaitan-syaitan dipanah dengan panah-panah api atau bintang meteor? Semuanya ini tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w., sedangkan kita tidak mempunyai sumber yang lain dari kedua-duanya untuk mengetahui urusan-urusan ghaib. Andainya Allah mengetahui bahawa penjelasan yang terperinci mengenai pertanyaan-pertanyaan ini berguna kepada kita tentulah Ia akan menerangkan dengan panjang lebar. Andainya Allah tidak menerangkan apa-apa, maka segala usaha dan percubaan kita untuk mengetahuinya adalah sia-sia belaka. Ia tidak menambahkan apa-apa kepada kehidupan kita dan kepada khazanah ilmu pengetahuan kita yang berguna.

Begitu juga tidak ada tempat lagi untuk menyangkal dan mempertikaikan anak-anak panah api atau bintang meteor,[1] kerana bintang-bintang ini memang beredar mengikut peraturan-peraturan alam angkasa sama ada sebelum dibangkitkan rasul atau selepasnya dan mengikut satu undang-undang yang kini cuba ditafsirkan oleh ahli-ahli ilmu astronomi dengan berbagai-bagai teori yang mungkin salah dan mungkin betul. Jika diandaikan teori-teori itu betul, maka persoalan ini tidak termasuk dalam maudhu' pembicaraan kita. Di sana tidak ada apa-apa halangan andainya syaitan-syaitan itu dipanah dengan bintang meteor ketika ia meluncur laju dan tidak ada apa halangan pula bintang meteor meluncur laju sama ada untuk memanah syaitan atau tidak mengikut kehendak Allah yang memperlakukan undang-undang tertentu ke atasnya.

Di Antara Penjelasan Al-Qur'an Dan Pendapat Manusia

Orang-orang yang melihat persoalan-persoalan ini sebagai satu gambaran atau ilustrasi untuk menunjukkan betapa rapinya Allah memelihara Al-Qur'an dari dikelirukan dengan kebatilan, berpendapat tidak harus ayat-ayat itu difahamkan secara lahir begitu sahaja. Sebabnya kerana mereka menghadapi ayat-ayat Al-Qur'an ini dengan tanggapan-tanggapan yang telah sedia terpaku di dalam otak mereka, iaitu tanggapan-tanggapan yang diambil dari sumber-sumber yang lain dari Al-Qur'an, kemudian mereka berusaha mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an itu mengikut tanggapan-tanggapan itu. Kerana itulah mereka hanya memandang malaikat sebagai lambang dari kekuatan kebaikan dan keta'atan, dan syaitan sebagai lambang bagi kekuatan kejahatan dan maksiat, dan pemanahan syaitan melambangkan penjagaan dan pemeliharaan Allah terhadap Al-Qur'an, kerana tanggapan-tanggapan

---

[1] *Ia dikenali dengan tahi bintang meteor yang kelihatan melancar laju di waktu malam.*

yang telah sedia terpaku di dalam otak mereka sebelum menghadapi ayat-ayat Al-Qur'an ini ialah apa yang dinamakan malaikat, syaitan atau jin itu tidak mungkin wujud dengan jisim seperti ini dan tidak mungkin mempunyai gerak langkah fizikal dan kesan-kesan yang wujud di alam realiti.

Dari manakah mereka ambil tanggapan-tanggapan yang digunakan mereka untuk mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an dan Hadith?

Cara yang paling sempurna untuk seseorang memahami dan mentafsirkan Al-Qur'an juga untuk membentuk kefahaman Islamiyah ialah menghapuskan dari fikirannya segala kefahaman yang telah lalu dan menghadapi Al-Qur'an tanpa menggunakan tanggapan-tanggapan yang terdahulu atau menggunakan pendapat 'aqliyah atau perasaan yang terdahulu. Malah ia harus membina dan membuat seluruh tanggapan terhadap hakikat-hakikat alam buana ini mengikut bagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an dan Hadith. Kerana itu dia tidak harus mentafsirkan Al-Qur'an dan Hadith dengan gambaran yang lain dari Al-Qur'an, dan ia tidak harus menafikan sesuatu yang dithabitkan oleh Al-Qur'an dan tidak pula harus mena'wilkannya. Begitu juga dia tidak harus menthabitkan sesuatu yang dinafi atau dibatalkan oleh Al-Qur'an. Dan selain dari ketetapan yang dithabit dan dinafikan oleh Al-Qur'an, maka bolehlah ia mengeluarkan pendapatnya mengikut ilham akalnya dan pengalamannya sendiri. Kami berkata begini kepada orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an, namun demikian mereka mena'wilkan nas-nas Al-Qur'an untuk disesuaikan dengan tanggapan-tanggapan dan kefahaman-kefahaman yang telah sedia tersemat di dalam minda mereka tentang hakikat-hakikat alam al-wujud.[2]

Sesuatu Yang Tidak Ditemui Sains Tidak Menafikan Kewujudannya

Tetapi orang-orang yang tidak beriman kepada Al-Qur'an dan secara sewenang-wenang menafikan hakikat-hakikat ghaib ini semata-mata dengan alasan kerana hakikat-hakikat ini tidak ditemui oleh sains, maka sikap mereka amat melucukan, kerana sains sendiri masih belum mengetahui semua rahsia kejadian-kejadian yang ada di depannya dan yang digunakannya di dalam ujian-ujiannya, sedangkan sesuatu yang belum diketahui sains itu sama sekali tidak menafikan kewujudannya. Apatah lagi ramai di antara ahli-ahli sains yang sebenar mulai mempercayai perkara-perkara yang tidak diketahui mereka melalui saluran ahli-ahli agama atau sekurang-kurangnya mereka tidak mengingkarkan sesuatu, yang tidak diketahui mereka, kerana menurut pengalaman, ahli-ahli sains dapati diri mereka - melalui sains ini sendiri - berdepan dengan berbagai-bagai perkara yang majhul yang selama ini mereka fikir telah mengetahuinya. Kerana itu mereka bersikap rendah diri, tidak menunjukkan sifat berlagak pandai dan sifat berlagak sombong terhadap perkara-perkara yang majhul sebagaimana dilakukan oleh pelagak-pelagak alim dan pelagak-pelagak yang mendakwa berfikir secara ilmiyah yang tidak percayakan hakikat-hakikat agama dan hakikat yang majhul.

Alam buana di sekeliling kita penuh dengan rahsia-rahsia, penuh dengan roh-roh dan penuh dengan tenaga-tenaga kekuatan. Surah ini sama dengan surah-surah Al-Qur'an yang lain. Ia menerangkan kepada kita beberapa sudut dari hakikat-hakikat alam yang dapat menolong kita membentuk satu kefahaman yang hakiki dan betul terhadap alam al-wujud dengan segala isi kandungannya yang terdiri dari tenaga-tenaga kekuatan, roh-roh dan hidup-hidupan yang ada di sekeliling kita yang saling berinteraksi di dalam kehidupan dan diri kita. Kefahaman inilah yang membezakan seseorang Muslim dan meletakkannya di garis tengah di antara khayal yang liar dan khurafat yang karut, di antara berlagak alim dan berlagak sombong. Sumber kefahaman ini ialah Al-Qur'an dan as-Sunnah. Kedua-duanya merupakan sumber yang dijadikan hakim oleh seseorang Muslim untuk menilaikan segala persepsi, segala pendapat dan segala pentafsiran.

Bidang-bidang Ilmu Yang Dapat Diterokai Manusia Dan Bidang-bidang Ilmu Yang Di Luar Keupayaannya

Di sana ada bidang tertentu untuk akal manusia meneroka pelusuk-pelusuk yang majhul. Islam memang menggalakkan manusia membuat penerokaan seperti itu. Tetapi di sebalik bidang ini, akal manusia tidak berdaya menerokainya kerana ia tidak perlu menerokainya. Sesuatu yang tidak diperlukan manusia dalam urusan menjalankan tugas khalifah di bumi ini, maka ia tidak perlu dijadikan bidang penerokaannya dan tidak ada kebijaksanaan untuk membantunya melakukan penerokaan itu, kerana perkara itu bukan dari tugas dan tidak pula termasuk dalam ikhtisasnya. Kadar yang perlu diketahuinya mengenai bidang-bidang yang mahjul itu supaya ia dapat mengetahui kedudukannya di alam buana ini dibandingkan dengan segala sesuatu yang ada di sekeliling, telah pun diterangkan Allah kepadanya kerana ia di luar keupayaan manusia dan ia diterangkan sekadar keupayaannya sahaja. Di antara bidang-bidang yang majhul yang diterangkan sekadar itu ialah urusan-urusan ghaib yang bersangkutan dengan malaikat-malaikat, syaitan dan roh, asal-usul kejadian dan kesudahannya.

Orang-orang yang berpandu dengan hidayat Allah, mereka akan berhenti di batas pengetahuan sekadar itu sahaja sebagaimana yang diterangkan Allah

---

[2] *Dalam hubungan ini saya tidak mahu membersihkan diri saya, kerana saya juga sedikit sebanyak telah terjerumus ke dalam pentafsiran seperti ini di dalam karangan-karangan saya yang silam dan di dalam penggal-penggal awal tafsir ini. Saya harap dapat saya betulkan dalam cetakan akan datang jika ditaufiqkan Allah. Apa yang saya katakan di sini ialah apa yang saya anggapkannya benar dengan hidayat dari Allah.*

kepada mereka dalam kitab-kitab suci-Nya dan menerusi lidah para rasul-Nya. Dari pengetahuan sekadar itu mereka mendapat faedah menyedari kebesaran Tuhan Pencipta dan menyedari hikmat kebijaksanaan-Nya, dalam segala penciptaan-Nya, juga menyedari kedudukan manusia di bumi dan hubungannya dengan alam-alam dan roh-roh ini. Mereka menggunakan tenaga akal fikiran mereka dalam bidang penyelidikan dan ilmu pengetahuan yang disediakan untuk akal dalam lingkungan perbatasan-perbatasan bumi dan cakerawala-cakerawala di sekelilingnya sekadar yang terdaya kepada mereka. Mereka menggunakan ilmu pengetahuan yang diketahui mereka dalam bidang pekerjaan, pengeluaran, pembangunan dan menegakkan khilafah (pemerintahan Allah) di bumi dengan berpedomankan hidayat Allah. Mereka berjuang menuju kepada keredhaan-Nya serta meningkatkan diri mereka ke maqam yang luhur yang diserukan Allah kepadanya.

Mereka yang tidak berpedoman kepada hidayat Allah berpecah kepada dua golongan yang besar:

Golongan-golongan Ahli Ilmu Yang Tidak Berpandukan Penjelasan Allah

Satu golongan berusaha dengan akal fikiran mereka yang terbatas untuk memahami zat Allah Ta'ala yang tidak terbatas, dan untuk mengetahui hakikat-hakikat alam ghaib tanpa melalui kitab-kitab suci yang diturun oleh Allah. Mereka ialah golongan ahli-ahli falsafah yang cuba mentafsirkan rahsia-rahsia alam al-wujud dan segala hubungannya, kerana itu mereka jatuh dan rebah seperti kanak-kanak yang cuba mendaki gunung yang amat tinggi dengan kemuncaknya yang tidak berakhir atau seperti kanak-kanak yang cuba menghuraikan rahsia-rahsia alam al-wujud sedangkan mereka belum begitu mahir dengan peraturan-peraturan mengeja alif, baa', taa'. Mereka telah mengemukakan berbagai-bagai kefahaman dan pandangan yang melucukan terhadap alam al-wujud walaupun mereka tokoh-tokoh ahli falsafah yang besar. Kefahaman yang dikemukakan mereka benar-benar melucukan jika dibanding kepada kefahaman yang jelas, lurus dan indah yang dikemukakan oleh Al-Qur'an. Kefahaman-kefahaman itu lucu kerana kesilapannya yang banyak, kerana fakta-faktanya yang bertentangan, longgar dan tidak kemas. Dan seterusnya kefahaman-kefahaman itu lucu kerana ia merupakan kefahaman yang amat kerdil dan dangkal dibandingkan dengan kebesaran dan keagungan alam al-wujud yang hendak ditafsirkan mereka. Dalam hubungan ini saya tidak kecualikan tokoh-tokoh ahli falsafah Greek dan tidak pula tokoh-tokoh ahli falsafah Islam yang telah meniru cara berfikir ahli-ahli falsafah Greek dan tidak pula ahli-ahli falsafah zaman moden. Semua persepsi mereka adalah lucu dibandingkan dengan persepsi Islam terhadap alam al-wujud.

Satu golongan lagi ialah golongan yang berpendapat bahawa aliran ilmu pengetahuan alam ghaib yang majhul itu tidak ada faedah dan gunanya, mereka mengabaikan bidang ini dan menumpukan seluruh usaha dan fikiran mereka di bidang sains ujian dan gunaan tanpa menghiraukan pengetahuan alam ghaib yang majhul yang tidak dapat diterokai mereka tanpa berpandukan petunjuk dari Allah. Golongan ini berada di kemuncak kebesarannya dalam abad-abad lapan belas dan sembilan belas, tetapi sejak menjelang abad kedua puluh ini mereka mulai sedar dan siuman kembali dari keangkuhan keilmuan mereka yang liar, apabila benda (matter) lari dari tangan mereka dan berubah kepada radiasi yang tidak diketahui hakikatnya dan hampir-hampir pula tidak diketahui undang-undangnya.

Islam Memberi Maklumat Alam Ghaib Kepada Manusia

Hanya Islam sahaja yang berdiri tegak di atas batu keyakinan. Ia memberi maklumat-maklumat alam ghaib yang majhul kepada manusia sekadar yang dapat memberi kebaikan kepada mereka. Ia menjimatkan tenaga akal fikiran manusia untuk digunakan dalam kerja-kerja pentadbiran menegakkan pemerintahan Allah di bumi. Ia menyediakan bidang-bidang tertentu kepada akal manusia agar ia dapat bekerja dengan aman dan memberi petunjuk kepada mereka ke jalan yang benar dan lurus, sama ada dalam perkara-perkara yang berhubung dengan urusan ghaib yang majhul atau dalam perkara yang bukan berhubung dengan urusan ghaib.

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 15)

Selepas itu kumpulan jin itu menjelaskan keadaan dan sikap mereka terhadap hidayat Allah, dan dari penjelasan ini kita dapat memahami bahawa mereka sama dengan manusia iaitu mempunyai dwi tabi'at semulajadi yang boleh menerima hidayat dan kesesatan. Kumpulan jin itu menceritakan kepada kita tentang 'aqidah mereka terhadap Allah dan kepercayaan mereka terhadap balasan yang akan diterima oleh orang yang memilih jalan hidayat dan orang yang memilih jalan kesesatan:

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Jin Soleh Dan Jin Jahat

Penjelasan kumpulan jin yang menegaskan bahawa di antara mereka ada golongan yang soleh dan ada golongan yang tidak soleh menunjukkan makhluk jin itu mempunyai dwi tabi'at dan kesediaan untuk menerima kebaikan dan kejahatan serupa dengan tabi'at dan kesediaan manusia melainkan mereka yang menumpukan kegiatan mereka kepada kejahatan seperti Iblis dan suku sakatnya. Penjelasan ini amat penting untuk membetulkan anggapan kita terhadap jin, kerana kebanyakan kita, termasuk para pengkaji yang pakar, menganggap makhluk jin sebagai makhluk yang melambangkan kejahatan dan bertabi'at jahat semata-mata dan hanya manusia

sahaja di antara makhluk seluruhnya yang mempunyai dwi tabi'at. Anggapan ini adalah lahir dari tanggapan-tanggapan yang terdahulu yang tersemat dalam kefahaman kita mengenai hakikat-hakikat makhluk jin sebagaimana kami telah jelaskan. Kini sampailah masanya kita membetulkan tanggapan itu mengikut keterangan-keterangan yang sahih dari Al-Qur'an. Kumpulan jin itu sendiri berkata:

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Yakni setiap golongan dari kami mempunyai cara pembawaan yang terasing dan terpisah dan golongan yang lain.

Kemudian kumpulan jin itu menerangkan kepercayaan mereka setelah mereka beriman:

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Jin Mengakui Qudrat Allah Yang Mutlak

Mereka yakin bahawa Allah menguasai mereka sepenuhnya di bumi, dan mereka yakin bahawa mereka tidak berupaya untuk melarikan diri dari kekuasaan Allah. Itulah kelemahan seseorang hamba di hadapan Tuhannya, itulah kelemahan makhluk di hadapan Khaliqnya dan itulah kesedaran terhadap kekuasaan Allah yang menguasai dan mengatasi segala-galanya.

Makhluk jin itulah yang dipohon perlindungan dan pertolongan oleh manusia, dan makhluk itulah yang dianggap kaum Musyrikin sebagai makhluk yang mempunyai hubungan perkahwinan dengan Allah S.W.T, sedangkan makhluk inilah yang mengaku lemah dan tidak berupaya di hadapan qudrat Allah. Dengan keterangan ini mereka bukan sahaja membetulkan juga anggapan dan kepercayaan kaum mereka, malah membetulkan juga anggapan dan kepercayaan kaum Musyrikin mengenai hakikat qudrat Allah Yang Tunggal yang menguasai seluruh alam dan penghuni-penghuninya.

Kemudian kumpulan jin itu sekali lagi menerangkan keadaan mereka setelah mendengar hidayat Al-Qur'an yang telah diterangkan mereka sebelum ini. Mereka ulangi pengakuan itu di sini dalam konteks penjelasan mengenai sikap golongan-golongan mereka terhadap keimanan:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا ٱلْهُدَىٰٓ ءَامَنَّا بِهِۦ ۖ

"Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya."(13)

Itulah sikap yang semestinya diambil oleh setiap orang yang mendengar Al-Qur'an. Tetapi di sini mereka namakan Al-Qur'an dengan "hidayat", kerana hidayat merupakan hakikat dan natijah dari Al-Qur'an. Kemudian mereka menerangkan kepercayaan mereka yang kukuh terhadap Allah:

"Dan barang siapa yang beriman dengan Tuhannya nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan."(13)

Orang Mu'min Bersikap Tenang Dan Tenteram

Inilah kepercayaan orang yang yakin kepada keadilan Allah dan kekuasaan-Nya dan kepada tabi'at keimanan dan hakikatnya. Allah tidak akan mengurangkan hak-hak yang terhak kepada seseorang Mu'min dan tidak akan membebankan dengan kesusahan yang di luar keupayaannya. Allah S.W.T. Maha Adil dan Dia akan melindungi para hamba-Nya dari perbuatan yang mengurangi hak-hak mereka dan dari perbuatan membeban mereka dengan kesulitan di luar kemampuan mereka.

Siapa lagi yang berkuasa mengurangkan hak-hak orang-orang Mu'min atau menyusahkan mereka sedangkan mereka berada dalam naungan dan perlindungan Allah? Kadang-kadang orang-orang Mu'min dinafikan dari menikmati beberapa kesenangan hidup dunia, tetapi ini tidaklah bererti bahawa haknya telah dikurangkan, kerana dia akan diberi pampasan yang sebaik-baiknya. Kadang-kadang mereka menerima penindasan dari orang-orang yang berkuasa di bumi, tetapi ini bukanlah bererti mereka telah dibebankan dengan kesusahan, kerana Allah menolong mereka dengan tenaga kekuatan untuk menanggung kepedihan penindasan itu supaya mereka dapat mengambil faedah dari penderitaan itu dan supaya mereka dapat mengembangkan diri mereka dengan penderitaan itu. Di samping itu hubungan mereka yang mesra dengan Allah meringankan penderitaan mereka, malah hubungan itulah yang menjadikan penderitaan itu mendatangkan kebaikan kepadanya di dunia dan Akhirat.

Oleh itu, seseorang Mu'min berada dalam keamanan jiwa dari kebimbangan dikurangkan haknya atau kebimbangan ditimpakan kesusahan:

"Ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan."(13)

Keamanan itulah yang melahirkan ketenteraman dan kerehatan di sepanjang masa. Dia tidak lagi hidup dalam kegelisahan dan kecemasan. Apabila dia berdepan dengan kesusahan dia tidak takut dan cemas, dia tidak mengurungkan dirinya dalam bilik yang tertutup segala pintu dan jendelanya, malah dia memandang kesusahan itu sebagai ujian dari Allah,

lalu dia sabar dan mendapat pahala, dia mengharapkan pertolongan dari Allah dan mendapat pahala. Pendeknya dalam kedua-dua keadaan ini dia tidak takut dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan.

Indah hakikat yang amat cemerlang yang digambarkan dengan tepat oleh kumpulan jin itu. Kemudian mereka menerangkan pandangan mereka terhadap hakikat hidayat dan kesesatan dan terhadap balasan kepada hidayat dan kesesatan itu sendiri:

وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا الْقَاسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa yang menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

"القاسطون" bererti orang-orang yang zalim, yang menjauhi keadilan dan kebaikan. Mereka jadikan kumpulan orang yang zalim ini sebagai lawan kepada kumpulan Muslimin. Ini merupakan satu isyarat kepada satu pengertian yang seni, kerana seorang Muslim adalah seorang yang adil dan aktif dalam amalan-amalan yang baik dan lawannya ialah orang yang dan aktif dalam aktiviti yang merosakkan.

فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا ﴿١٤﴾

"Oleh itu, sesiapa yang menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat."(14)

Kata-kata **"memilih"** membayangkan bahawa tindakan menerima hidayat Islam itu merupakan suatu tindakan yang teliti mencari jalan yang benar. Ini bererti mereka mencari dan memilih jalan yang benar dengan penuh pengetahuan dan dengan penuh tekad dan niat setelah segala-galanya jelas dan terang, bukannya bertindak serampangan dan bukannya terikut-ikut tanpa memahami apa-apa. Ayat ini bererti bahawa mereka benar-benar telah sampai ke jalan yang benar apabila mereka memilih agama Islam. Ini adalah satu pengertian yang halus dan indah.

وَأَمَّا الْقَاسِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan ada pun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

Kedudukan mereka telah diputuskan. Mereka pada akhirnya akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam yang memarakkan nyalaan apinya sama seperti api yang galak bernyala dengan sumbangan kayu-kayu yang kering.

Makhluk Jin Juga Akan Di'azabkan Dalam Neraka

Ayat ini menunjukkan bahawa makhluk jin itu juga akan di'azabkan dengan api Neraka, dan dari sini juga difahamkan bahawa mereka juga akan diberi ni'mat dengan Syurga. Demikianlah yang dijelaskan oleh Al-Qur'an yang menjadi sumber pemikiran kita. Selepas keterangan itu tiada siapa pun yang boleh mengemukakan apa-apa pandangannya tentang sifat jin, sifat Neraka atau sifat Syurga yang disandarkan kepada pandangan dan pendapat yang bukan dari Al-Qur'an. Apa yang dijelaskan Allah merupakan satu penjelasan yang benar yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Keterangan-keterangan yang tepat tentang makhluk jin yang terdapat dalam penjelasan kumpulan jin kepada kaum mereka itu tepat pula dengan makhluk manusia, dan ini telah pun diterangkan oleh wahyu Allah menerusi lidah Nabi mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Sampai di sini tamatlah wahyu yang menceritakan perkataan jin dengan kata-kata dari ungkapan mereka secara langsung mengenai diri mereka. Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada menyaripatikan perkataan-perkataan jin itu mengenai tindakan Allah terhadap orang-orang yang beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu menuju kepada-Nya. Al-Qur'an hanya menyebatkan isi perkataan mereka sahaja bukannya ungkapan mereka itu sendiri:

Hubungan Istiqamah Dengan Kemewahan Hidup

"Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar."(17)

Allah berfirman mengesahkan pandangan jin-jin terhadap kita manusia iaitu andainya manusia itu beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu atau andainya orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar itu beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami kurniakan kepada mereka bekalan air yang melimpah-ruah yang dapat menghasilkan rezeki yang mewah untuk mereka. **"Untuk Kami ujikan mereka"** sama ada mereka bersyukur atau tidak.

Peralihan dari menceritakan perkataan-perkataan jin kepada menyebut isi cerita itu sahaja mengenai perkara ini menambahkan lagi kekuatan pengertiannya kerana ia menghubungkan penceritaan

dan janji itu kepada Allah. Tarikan-tarikan perhatian seperti ini memang banyak terdapat di dalam uslub Al-Qur'an untuk menghidup dan menguatkan pengertiannya dan menambahkan perhatian mereka kepadanya. Tarikan pandangan ini mengandungi beberapa hakikat yang menjadi unsur penting dalam pembentukan 'aqidah dan kefahaman seseorang Mu'min terhadap keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan hubungan-hubungannya.

Hakikat yang pertama ialah wujudnya hubungan di antara kelurusan iman umat-umat atau kelompok-kelompok manusia mengikuti jalan Allah dengan kemewahan rezeki dan faktor-faktornya. Faktor pertama dari faktor-faktor kemewahan ialah adanya bekalan air yang cukup. Kemewahan dan kesenangan hidup di mana-mana tempat dan negeri adalah mengikut keadaan bekalan air hingga ke zaman ini, iaitu zaman kemajuan perindustrian, di mana pertanian tidak lagi merupakan satu-satunya sumber rezeki dan kemewahan, tetapi air tetap air. Ia selama-lamanya penting untuk pembangunan.

Hubungan di antara kelurusan iman dengan kemewahan rezeki dan keteguhan kedudukan di dunia merupakan satu hakikat yang berdiri kukuh. Misalnya umat Arab di Padang Sahara. Mereka dahulu hidup dengan segala kepayahan dan kesulitan, tetapi apabila mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu mereka dikurniakan kawasan bumi yang melimpah dengan bekalan air dan rezeki yang mewah. Kemudian apabila mereka menyeleweng dari jalan keimanan yang lurus, maka segala kemewahan dan kesenangan mereka dirampas kembali dan hingga kini mereka masih hidup dalam kesulitan dan kepayahan sehingga mereka sanggup pulang kembali ke jalan keimanan yang lurus dan ketika itulah akan terlaksana janji Allah kepada mereka.

Andainya di sana terdapat umat-umat yang tidak berjalan di atas jalan Allah, kemudian mereka mendapat kemewahan dan kekayaan, maka mereka akan diseksakan dengan berbagai-bagai penyakit dan malapetaka yang lain yang merosakkan sifat-sifat insaniyah mereka atau menggugatkan keamanan hidup mereka atau menjatuhkan nilai dan kehormatan mereka sebagai manusia. Semuanya ini akan menjadikan kemewahan dan kekayaan mereka tidak bererti apa-apa lagi (sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah Nuh).

Kemewahan, Kekuasaan, Kecantikan Dan Kebijaksanaan Suatu Ujian Dari Allah

Hakikat yang kedua yang tercetus dari ayat ini ialah kemewahan hidup itu merupakan ujian Allah kepada hamba-Nya. Firman Allah:

وَنَبۡلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلۡخَيۡرِ فِتۡنَةٗۖ

"Dan Kami akan cubakan kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai ujian."

(Surah al-Anbia': 35)

Kesabaran dalam kemewahan dan kesanggupan melaksanakan kewajipan bersyukur dan membuat kebaikan adalah lebih sukar dari kesabaran dalam kesusahan, iaitu kebalikan dari apa yang dilihat dalam pandangan sekilas. Ramai orang dapat bersabar apabila dilanda kesusahan kerana kesusahan itu telah mencetuskan dalam jiwa mereka daya pengemblengan tenaga, sikap yang hati-hati dan kesanggupan melawan, juga mencetuskan ingatan mereka kepada Allah, mendorongkan mereka memohon per-lindungan dan pertolongan kepada-Nya. Tetapi kemewahan membuat manusia lupa, membuat anggota mereka kendur dan rehat, membuat unsur-unsur pertahanan dalam jiwa mereka tidur dan lumpuh dan seterusnya kemewahan menyediakan peluang-peluang menjadi angkuh kerana kesenangan dan kelekaan dengan godaan-godaan syaitan.

Ujian dengan ni'mat kemewahan memerlukan sikap sentiasa berhati-hati supaya terpelihara dari terpesona dan tergoda. Ni'mat harta kekayaan yang banyak seringkali menggoda seseorang menjadi angkuh, kurang bersyukur, membazir atau bakhil dan kedua-duanya merupakan penyakit jiwa dan penyakit kehidupan. Ni'mat kekuatan dan kekuasaan juga seringkali membawa kepada sifat takbur, kurang bersyukur, zalim, menentang kebenaran, menindas manusia dan melanggar larangan-larangan Allah. Ni'mat kecantikan seringkali mendorong manusia berlagak sombong dan menjerumuskan mereka ke dalam kancah dosa dan kepesonaan nafsu. Ni'mat kecerdasan akal seringkali mempesona manusia menjadi bongkak, memandang rendah kepada orang lain, memperkecil-kecilkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan yang saksama. Setiap ni'mat tidak sunyi dari godaan melainkan mereka yang sentiasa ingat kepada Allah.

Hakikat yang ketiga ialah perbuatan tidak menghiraukan peringatan Allah akan membawa kepada 'azab Allah. Ungkapan yang mensifatkan 'azab itu sebagai **"'azab pendakian yang sukar"** membayangkan kesulitan yang amat berat, kerana orang yang mendaki bukit yang tinggi akan merasa semakin penat apabila ia mendaki semakin tinggi. Satu kebiasaan Al-Qur'an ialah ia melambangkan kesukaran dan kesulitan dengan perbuatan mendaki seperti dalam ayat:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجٗا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِۚ

"Barang siapa yang dikehendaki Allah untuk memberi hidayat kepadanya, nescaya Dia lapangkan dadanya kepada Islam, dan barang siapa yang dikehendaki Allah untuk membiarkannya sesat, nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki langit."

(Surah al-An'am: 125)

Dan firman-Nya:

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾

"Aku akan bebankannya mendaki jalan yang sukar."

(Surah al-Muddaththir: 17)

Itulah satu hakikat fizikal yang amat terang dan terkenal. Perbandingan di antara ujian dengan kemewahan dengan 'azab keseksaan di waktu pembalasan amatlah jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Penjelasan ayat yang ketiga yang berikut mungkin merupakan cerita penjelasan jin, dan mungkin pula merupakan firman Allah dari awal lagi iaitu:

"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah. Oleh itu, janganlah kamu sembah seseorang yang lain di samping menyembah Allah."(18)

Sujud Dan Masjid Hanya Untuk Allah

Ayat ini menerangkan bahawa sujud atau tempat-tempat sujud iaitu masjid-masjid hanya untuk Allah sahaja. Di sanalah ditegakkan tauhid yang bersih dan di sanalah lenyapnya bayang (kebesaran duniawi) setiap orang, setiap nilai dan setiap perhitungan yang lain. Seluruh suasana dan perhambaan di sana hanya untuk Allah sahaja. Menyembah yang lain dari Allah mungkin dengan membuat ibadat kepada yang lain dari Allah dan mungkin pula dengan mencari perlindungan pada yang lain dari Allah dan mungkin pula dengan menghadirkan hati untuk yang lain dari Allah.

Andainya ayat ini dari perkataan kumpulan jin itu, maka ia merupakan satu kenyataan untuk menguatkan perkataan mereka yang terdahulu iaitu:

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun"(2)

di tempat ibadat dan sujud itu. Andainya ayat ini dari firman Allah dari awal lagi, maka ia merupakan satu perintah atau arahan dari Allah sesuai dengan perkataan kumpulan jin dan kepercayaan tauhid mereka yang bulat, iaitu satu perintah yang disampaikan tepat pada tempatnya mengikut cara Al-Qur'an.

Rasulullah Dikerumuni Sewaktu Solat Dan Membaca Al-Qur'an

Begitu juga penjelasan ayat yang berikut:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ لِبَدًا ﴿١٩﴾

"Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya."(19)

Yakni mereka mengerumuninya ketika beliau mendirikan solat dan berdo'a kepada Tuhannya. Solat pada asalnya bererti berdo'a.

Andainya ayat ini dari perkataan jin, maka ia merupakan cerita dari kumpulan jin itu tentang kaum Musyrikin Arab yang datang mengerumuni Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedang mendirikan solat atau ketika beliau sedang membaca Al-Qur'an seperti firman Allah dalam Surah al-Ma'arij ayat 36 - 37:

"Mengapakah orang-orang kafir itu tergesa-gesa datang ke arahmu, dari kanan dan kiri, sepuak demi sepuak?"

(Surah al-Ma'arij : 36-37)

Mereka mendengar kagum tetapi mereka tidak beriman atau mereka datang berkumpul untuk bertindak jahat terhadap Rasulullah s.a.w., tetapi Allah peliharakannya dari kejahatan mereka, sebagaimana yang sering berlaku kepada beliau. Perkataan kumpulan jin ini yang dihadapkan kepada kaum mereka ialah untuk menyatakan kehairanan mereka terhadap tindak-tanduk kaum Musyrikin itu.

Andainya ayat ini dari penceritaan Allah dari awal lagi, maka ia merupakan sebuah cerita tentang sekumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an. Mereka terpesona dan kagum dengan Al-Qur'an, lalu mereka datang mengerumuni Rasulullah s.a.w. bertindih-tindih dan berhimpit-himpit satu dengan lain. Pentafsiran ini lebih hampir kepada pengertian ayat ini kerana sesuai dengan keadaan kumpulan jin itu yang begitu tertarik dan terpesona yang kelihatan jelas pada semua perkataan mereka. والله أعلم

Setelah selesai menceritakan perkataan jin mengenai Al-Qur'an dan urusan kerasulan ini yang telah memeranjatkan hati mereka, menggoncangkan perasaan mereka dan memperlihatkan kepada mereka bagaimana langit dan bumi, para malaikat dan bintang-bintang masing-masing sibuk dengan urusan kerasulan, juga memperlihatkan kesan-kesannya di dalam peraturan seluruh alam buana, juga kesungguhan dan keseriusannya dan undang-undang alam yang menemaninya ... setelah selesai semuanya ini Al-Qur'an menghadapkan pula perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. dengan nada yang serius dan tegas supaya beliau menyampaikan risalah dan da'wah itu kepada manusia dan membersihkan diri selepas penyampaian itu dari sebarang kepentingan peribadi dalam risalah dan da'wah ini, dan dari membuat dakwaan mengetahui urusan ghaib dan dari dakwaan mempunyai kuasa di dalam perkara-perkara yang menyentuh untung nasib manusia. Semua ini dibuat

dalam suasana yang bercampur duka dan hiba sesuai dengan keseriusan dan ketegasan Al-Qur'an ini:

(Pentafsiran ayat 20)

Perisytiharan Yang Senada Perisytiharan Makhluk Jin

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."

Katakanlah, wahai Muhammad! "**Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Tunggal sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun.**"

Pengisytiharan ini datang selepas pengisytiharan kumpulan jin kepada kaum mereka:

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan dengan sesiapa pun."(2)

Pengisytiharan itu serasa dan senada. Itulah kata sepakat manusia dan jin. Oleh itu, barang siapa yang menyeleweng dari kata sepakat ini bererti ia terpencil dan asing dari manusia dan jin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 24)

Rasulullah Tidak Mempunyai Sebarang Kuasa

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat."(21)

Rasulullah s.a.w. telah disuruh supaya menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sesuatu apa, juga disuruh supaya membersihkan dirinya dari segala dakwaan bahawa dia mempunyai sesuatu sifat yang termasuk dalam sifat-sifat yang khusus bagi Allah Yang Maha Esa yang disembah olehnya, .dan supaya beliau tidak mempersekutukan Allah dengan sesiapa pun, kerana Allah sahaja yang mempunyai kuasa mendatangkan mudarat dan manfa'at. Dalam ayat ini kata-kata (hidayat) dijadikan lawan kepada kata-kata (mudarat) sama seperti yang disebut dalam perkataan kumpulan jin sebelum ini:

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui."(10)

Kedua-dua perkataan mempunyai tujuannya yang sama dan susunan kata yang hampir serupa. Dan keserupaan ini memang dirancangkan dalam kisah ini dan dalam ulasannya sebagaimana banyak terdapat dalam uslub Al-Qur'an. Dengan kedua-dua ayat ini makhluk jin dan Nabi s.a.w. membersihkan diri masing-masing dari dakwaan mempunyai kuasa memberi manfa'at dan mudarat dan hanya Allah sahaja Yang Maha Kuasa dalam urusan ini. Dan dengan pembersihan diri yang seperti ini barulah persepsi keimanan menjadi betul, sempurna dan jelas.

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾ إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah, dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah. (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya."(22-23)

Inilah kata-kata yang hebat yang membuat hati merasa betapa seriusnya urusan kerasulan dan da'wah ini.

Tugas Rasul Ialah Tabligh

Rasulullah s.a.w. disuruh mengumumkan hakikat yang agung ini: **"Tiada siapa pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah."** Oleh itu, tiada lain kewajipanku melainkan bertindak menyampaikan da'wah dan menunaikan amanah ini. Inilah satu-satunya perlindungan bagiku. Sesungguhnya urusan da'wah ini bukanlah urusanku. Aku tidak mempunyai apa-apa habuan peribadi dalam urusan ini selain dari menyampaikannya kepada manusia. Aku tidak dapat melepaskan diri dari tugas tabligh ini, kerana aku dituntut melaksanakan tugas ini oleh Allah dan tiada siapa pun dapat melindungiku dari 'azab-Nya, dan tiada suatu yang dapat memberi naungan kepadaku melainkan bertindak, melaksanakan tugas tabligh dan menunaikan amanah Allah dengan sempurna.

Alangkah hebatnya dan alangkah seriusnya!

Tugas menyampaikan da'wah bukanlan tugas suka-rela, malah tugas itu adalah tugas yang ditaklif dan diwajibkan dengan penuh ketegasan, tugas yang tidak ada ruang untuk melarikan diri dari melaksanakannya kerana Allah berada di belakangnya.

Tugas da'wah untuk membawa hidayat dan kebaikan kepada manusia bukanlah didorong oleh motif mencari kenikmatan diri, tetapi tugas da'wah adalah tugas yang diperintah oleh Allah yang tidak boleh diabaikan dan tidak boleh disambut dengan teragak-agak. Tegasnya tugas da'wah merupakan suatu taklif dan suatu kewajipan.

Demikianlah jelasnya kedudukan tugas da'wah. Ia merupakan suatu taklif dan suatu kewajipan yang amat besar dan serius, di mana Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi berdiri di belakangnya.

Amaran Kepada Penentang Da'wah

وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ

فِيهَآ أَبَدًا ﴿٢٣﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوۡاْ مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعۡلَمُونَ مَنۡ أَضۡعَفُ نَاصِرٗا وَأَقَلُّ عَدَدٗا ﴿٢٤﴾

"Dan barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya balasannya ialah Neraka Jahannam. Mereka kekal di dalamnya untuk selama-lamanya, sehingga apabila mereka (kaum Musyrkkin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?"(23-24)

Ini adalah satu amaran dan ancaman yang terbuka dan ancaman yang bersalut kepada orang-orang yang sampai da'wah kepada mereka, tetapi mereka menentang dan tidak mengikutinya walaupun diberitahu kepada mereka bahawa tugas menyampaikan da'wah itu adalah suatu tugas yang tegas dan berat.

Andainya kaum Musyrikin berbangga dengan kekuatan dan bilangan mereka yang ramai dibandingkan dengan kekuatan Nabi Muhammad s.a.w. dan bilangan orang-orang Mu'min yang kecil yang ada bersama beliau, maka mereka akan mengetahui apabila mereka melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka kelak sama ada di dunia ataupun di Akhirat siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih kecil atau puak manakah yang lemah dan tewas di antara dua puak itu.

Kita kembali semula kepada perkataan jin, di sini kita dapati mereka berkata:

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Kita dapati ulasan mereka itu selaras dengan kisah dan kita dapati kisah ini memang sesuai untuk diulas begitu. Oleh itu, ulasan ini merupakan satu ulasan yang tepat dengan masanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Kemudian Rasulullah s.a.w. diperintah supaya membersihkan diri dan berlepas tangan dari mendakwa mengetahui perkara-perkara di alam ghaib:

قُلۡ إِنۡ أَدۡرِيٓ أَقَرِيبٞ مَّا تُوعَدُونَ أَمۡ يَجۡعَلُ لَهُۥ رَبِّيٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾

"Katakanlah aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya." (25)

Rasulullah Tidak Mengetahui Urusan Alam Ghaib

Urusan da'wah bukan urusan beliau dan beliau tidak mempunyai apa-apa habuan peribadi dalam urusan da'wah itu selain dari tugas menyampaikannya sebagai menjunjung perintah taklif dan sebagai langkah melindungkan dirinya di tempat yang selamat, dan beliau tidak akan selamat melainkan apabila beliau menyampaikan tugas tabligh dan menunaikan amanah Allah. Balasan 'azab yang dijanjikan kepada · mereka yang menderhaka dan mendustakan pengajaran Allah itu juga dari perintah Allah, tidak ada campurtangan dari beliau. Beliau sendiri tidak tahu bilakah masa 'azab yang dijanjikan itu adakah sudah dekat atau masih jauh kerana telah dilanjutkan Allah? Semuanya itu merupakan urusan ghaib yang tersimpan di dalam ilmu Allah sahaja dan tidak diketahui oleh semesta alam:

"Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun."(26)

Nabi Muhammad s.a.w. tidak mempunyai apa-apa sifat selain dari sifat 'Ubudiyah iaitu beliau hanya hamba Allah. Itulah sahaja sifatnya yang paling tinggi dan paling mulia. Kefahaman Islam bersih dari segala kekeliruan dan kesamaran. Rasulullah s.a.w. telah diperintah menyampaikan hakikat ini:

قُلۡ إِنۡ أَدۡرِيٓ أَقَرِيبٞ مَّا تُوعَدُونَ أَمۡ يَجۡعَلُ لَهُۥ رَبِّيٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾

عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ فَلَا يُظۡهِرُ عَلَىٰ غَيۡبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya. Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun."(25-26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Urusan-urusan Ghaib Didedahkan Allah Sekadar Yang Diperlukan

Di sana hanya ada satu sahaja pengecualian, di mana Allah mengizinkan para rasul-Nya mengetahui perkara-perkara ghaib sekadar untuk menolong mereka dalam tugas menyampaikan da'wah Allah kepada manusia. Wahyu-wahyu yang disampaikan kepada mereka merupakan perkara-perkara ghaib yang ada di dalam ilmu Allah. Allah dedahkan perkara-perkara ghaib itu kepada mereka pada masanya yang sesuai dan sekadar yang diperlukan mereka sahaja. Allah mengawal dan mengawasi mereka sewaktu mereka menyampaikannya kepada manusia. Rasulullah s.a.w. telah diperintah mengumumkan hakikat ini secara serius dan menggentarkan:

إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾ لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا۟ رِسَـٰلَـٰتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًۢا ﴿٢٨﴾

"Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya (27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Rasul-rasul yang dipilih dan diredhai Allah untuk menyampaikan da'wah-Nya akan dibuka kepada mereka sebahagian dari pengetahuan ghaib-Nya iaitu pengetahuan mengenai wahyu, maudhu' wahyu dan cara disampaikan wahyu, para malaikat yang membawa wahyu, sumber wahyu dan bagaimana wahyu itu dipelihara di dalam Lauh Mahfuz dan sebagainya dari perkara-perkara yang berkaitan dengan kerasulan mereka yang tersimpan di dalam alam ghaib yang tidak diketahui oleh sesiapa pun.

Para Rasul Dikawal Dengan Rapi

Serentak dengan itu juga Allah lingkungi rasul-rasul itu dengan malaikat-malaikat pengawal untuk memelihara dan menjaga mereka dari godaan dan bisikan-bisikan Iblis, juga untuk memelihara mereka dari bisikan-bisikan dan angan-angan nafsu mereka dan seterusnya untuk memelihara mereka dari kelemahan-kelemahan manusia terhadap da'wah dan dari kelupaan dan penyelewengan. Ungkapan **"Sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya"** menggambarkan kawalan dan pengawasan yang sempurna terhadap Rasulullah s.a.w. semasa beliau menjalankan tugas da'wah yang agung itu. **"Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka."**

Dan Allah itu memang mengetahui, tetapi yang dimaksudkan dengan mengetahui dalam ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa tabligh itu telah dilaksanakan mereka dan dengan ini tertakluklah tabligh itu kepada ilmu Allah di alam kenyataan.

وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ

"Dan Dia mengetahui segala apa yang ada pada mereka."(28)

Yakni segala sesuatu yang tersemat di dalam jiwa mereka dan segala sesuatu yang berlaku dalam kehidupan mereka atau berlaku di sekeliling mereka adalah tidak terkeluar dari ilmu Allah.

وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًۢا ﴿٢٨﴾

"Dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Ilmu Allah bukannya terhenti di sekitar segala sesuatu yang ada pada rasul-rasul malah ilmu-Nya meliputi segala-galanya baik dari segi hitungan atau bilangan. Itulah ilmu yang halus dan paling meliputi.

Ayat ini menggambarkan bahawa rasul itu dikawal dengan penjaga-penjaga, dan ilmu Allah itu mengetahui segala apa yang ada padanya dan segala apa yang ada di sekelilingnya. Rasul menerima tugas da'wah selaku seorang tentera yang tidak mempunyai pilihan yang selain dari menyampaikannya kepada manusia. Dia pasti meneruskan perjuangannya tanpa tunduk kepada kehendak hatinya dan kehendak kelemahannya, tanpa tunduk kepada kehendak keinginannya dan kehendak kesukaan dan keredhaannya. Itulah gambaran tugas da'wah yang serius, keras dan dikawal rapi. Dia mengetahui hakikat ini kerana itu dia berjuang terus dan lurus tanpa menoleh ke sana ke mari. Dia tahu para pengawal mengelilingi dirinya. Dia tahu bahawa dia sentiasa terdedah kepada ilmu dan pengetahuan Allah.

Situasi ini mencetuskan rasa simpati terhadap rasul di samping mencetuskan rasa gerun terhadap urusan da'wah yang amat penting ini.

Surah ini diakhiri dengan nada ungkapan yang hebat dan menggerunkan. Perasaaan gentar dan gerun itu telah pun bermula dengan jelas ketika menceritakan perkataan-perkataan jin yang panjang lebar itu yang penuh dengan kesan-kesan rasa gentar dan bimbang.

* * * * * *

Dengan nada ayat yang hebat ini berakhirlah surah ini yang dimulakan dengan kisah yang indah, mengocakkan perasaan dan merangsangkan perasaan kaget yang dapat dihayati dengan jelas di dalam penceritaan yang panjang, dan terperinci serta penuh dengan implikasi-implikasi rasa takjub, kaget dan terharu.

Surah Yang Memuatkan Hakikat-hakikat Asasi 'Aqidah Muslim

Surah yang tidak lebih dari dua puluh lapan ayat ini telah memuat hakikat-hakikat asasi untuk membentuk 'aqidah Muslim dan untuk mewujudkan kefahamannya yang jelas, imbang dan lurus, iaitu kefahaman yang tidak keterlaluan dan tidak pula meleset, kefahaman yang tidak menutup pintu-pintu ilmu pengetahuan dan tidak pula berkejar-kejar di belakang dongeng-dongeng dan tanggapan-tanggapan yang karut-marut.

Amatlah benar kata-kata kumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an itu ketika mereka berkata:

إِنَّا سَمِعۡنَا قُرۡءَانًا عَجَبٗا ١ يَهۡدِيٓ إِلَى ٱلرُّشۡدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦۖ

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan, yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya."(1-2)

* * * * * *